



Mutiara



PERCUMA

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

1 – 15 OGOS, 2016

Remaja tenaga penggerak PDPI, nadi KN perangai ancaman dadah

Oleh : **ZAINULFAQAR
YAACOB & NORSHAHIDA
YUSOFF**

Gambar : **DARWINA MOHD.
DAUD**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, golongan remaja sendiri akan menggerakkan program terbaru Kerajaan Negeri, *Penang Drug Prevention Initiative* atau Inisiatif Pencegahan Dadah Pulau Pinang (PDPI) demi menjayakan pencegahan di punca (*prevention at source*) musuh negara itu.

"Kita (Kerajaan Negeri) perlu meremajakan tenaga penggerak kita...kalau kita (Kerajaan Negeri) nak yakinkan remaja supaya tidak terjebak dengan najis dadah, pendekatan baru mesti dijalankan.

"Penubuhan PDPI ini diharap menggunakan cara produktif, cara inovatif, cara mudah dan 'cara remaja'.

"Seperti Dasar Pengasingan Sisa Di Pulau untuk mengurangkan sampah sarap... selagi masalah dadah tak diatasi, tidak mungkin jenayah boleh dihapuskan, itulah sebabnya kita nak pergi kepada *prevention at source* (cegah di punca)," katanya pada Majlis Pelancaran PDPI di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Negeri, Dr. P. Sundramoorthy (depan, dua dari kiri) dan ahli-ahli Jawatankuasa PDPI merakamkan gambar bersama pada Majlis Pelancaran PDPI di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri II) serta Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) turut sertai majlis tersebut.

Hadir sama, Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kerajaan Negeri, Ghazali Derahman serta wakil kepada Ketua Polis Negeri.

Menurut Guan Eng, pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. P. Sundramoorthy yang juga anggota Majlis Profesor Negara (MPN) akan mengetuai jawatankuasa itu.

"Rakyat Malaysia berada dalam 10 negara di dunia yang rakyatnya menggunakan media sosial setiap hari, dan PDPI akan menggunakan media sosial dekati remaja," jelasnya.

Guan Eng dalam pada itu berharap jawatankuasa yang diketuai Sundramoorthy dapat saling bekerjasama dengan semua agensi Kerajaan Pusat berwajib,

termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk misi bersama tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut mengulas mengenai statistik AADK yang mendedahkan Pulau Pinang mencatat bilangan penagih dadah paling tinggi dalam tempoh 2013 hingga 2015 berbanding negeri-negeri lain, iaitu berjumlah 18,889 orang.

Mengulas statistik itu, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah lebih progresif, sungguhpun Pulau Pinang ketika ini dikenali sebagai 'negeri paling selamat' di tanah air ini.

"Jumlah ini merujuk kepada mereka yang dikategorikan sebagai penagih dadah sahaja dan tidak termasuk mereka yang ditahan di bawah seksyen lain, terutama yang menggunakan dadah jenis *amphetamine* dan *ketamine* di tempat-tempat hiburan.

"Kemungkinan angka ini lebih tinggi dan mungkin ada negeri lain yang mencatatkan jumlah penagih

berdaftar paling banyak, jika kita mengambil kira jumlah mereka yang ditangkap menggunakan dadah dan belum dikategorikan sebagai penagih dadah lagi," jelasnya.

Tambah Guan Eng, **PDPI perlu bekerja keras untuk menghalang peningkatan bilangan penagih dadah, menyediakan kaedah pemulihan yang lebih berkesan kepada golongan terbabit, serta yang paling penting adalah solusi 'cegah di punca' berkesan.**

"Perkhidmatan ditawarkan PDPI tidak akan melibatkan sistem keadilan jenayah.

"Seseorang yang datang untuk mendapatkan bantuan daripada PDPI tidak akan ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah," ujar beliau.

Sebarang maklumat, layari laman sesawang, www.pdpi.my/.

"Semua pihak termasuk keluarga dan masyarakat seharusnya memberi peluang kepada penagih dadah yang ingin pulih daripada masalah penagihan.

"Golongan tersebut tidak seharusnya terus dihukum atau dipinggirkan di atas kesilapan yang pernah dilakukan, sebaliknya mereka perlu diberi ruang dan peluang mendapatkan rawatan atau rujukan khidmat nasihat agar kembali ke pangkuan keluarga serta masyarakat dalam keadaan pulih sepenuhnya.

"Saya menyeru kepada masyarakat, berilah mereka (penagih dadah) peluang untuk balik ke pangkal jalan. Peluang serta sokongan daripada masyarakat akan menjadi dorongan dan semangat buat mereka untuk berubah.

"Justeru, saya ingin menarik perhatian mana-mana penjawat awam atau kakitangan Kerajaan Negeri yang terlibat dengan dadah agar segera mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan daripada Inisiatif Pencegahan Dadah Pulau Pinang (*Penang Drug Prevention Initiative*, PDPI)," LIM GUAN ENG.

BFF, 83.78% adalah acara tempatan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA - Sebanyak 31 daripada keseluruhan 37 acara yang dipersembahkan dalam Edisi Kedua Festival Pinggiran Butterworth (BFF) pada 13 dan 14 Ogos 2016 di Jalan Jeti Lama adalah sarat dengan elemen kebudayaan, kesenian, warisan dan aktiviti kemasyarakatan tempatan, kata Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Enam acara antarabangsa sahaja akan dipersembahkan dalam festival jalanan tersebut.

"Daripada 37 acara keseluruhannya, 83.78 peratus adalah acara tempatan, dan (baki) 16.22 peratus adalah acara antarabangsa.

"Saya begitu terkejut dengan kenyataan NGO ini, yang dilaporkan dalam beberapa akhbar," jelasnya baru-baru ini.

Maimunah berkata demikian sebagai menjawab pertikaian Presiden Persatuan Pelancongan dan Warisan Melayu Pulau Pinang (SAHABAT), Syed Kamalul Suffian Kadiron Syed Mustafa dan sebuah lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mendakwa BFF tidak mencerminkan elemen tempatan.

Menurut Maimunah, hasrat membawa komponen antarabangsa dan elemen tempatan dalam festival tersebut antara lain supaya warganegara dan pelancong asing berpeluang untuk menikmati variasi acara persembahan secara percuma.

"Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) selaku penganjur BFF 2016 sebelum ini pernah menghubungi Syed Kamalul Suffian Kadiron sendiri untuk menghantar kertas cadangan bagi menyertai festival tersebut.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (duduk, kiri), Joe Sidek (duduk, kanan), R. Murali (kanan sekali) bersama-sama barisan Ahli Majlis MPSP menunjukkan plakad penganjuran BFF 2016 pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"Namun, sehingga kini, pihak beliau (SAHABAT) gagal untuk menghantar sebarang kertas cadangan," jelasnya.

Pengarah Festival BFF 2016, Joe Sidek dan Pengarah Program Butterworth Baharu langsung di bawah ThinkCity, R. Murali masing-masing turut melahirkan rasa terkejut dengan kenyataan tanpa asas NGO berkenaan.

"Kenapa tidak beliau datang berjumpa saya dan hantar kertas cadangan kerana

saya memang nak bantu.

"Saya juga adalah Melayu, buat apa saya tidak memberi sokongan pada elemen seni Melayu.

"Kita kan rakyat Malaysia...saya tidak mahu melihat berapa peratus elemen Melayu, elemen Cina, elemen bangsa-bangsa lain dan elemen antarabangsa, kerana saya nak menjadikan BFF 2016 lebih daripada itu untuk semua pengunjung," ujar Joe Sidek.

Tidak termasuk tajaan pihak swasta, difahamkan, BFF 2016 menerima RM400,000 peruntukan MPSP dan lebih RM100,000 daripada ThinkCity.

Acara Muzikal Hamid Khan, Teater Jual Ubat Dari Stesen Ke Stesen, Persembahan Kompang Maktab Wan Jah, Buskers Butterworth dan Persembahan Boria Klasik Mutiara merupakan antara yang menarik serta sarat dengan elemen tempatan dalam festival jalanan kali ini.

Hantar proposal BFF awal, respons YDP

BAGAN DALAM - Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, para pengkritik Festival Pinggiran Butterworth (BFF) dialu-alukan menghantar kertas cadangan lebih awal untuk penganjuran festival jalanan seterusnya pada tahun hadapan.

Beliau turut menjemput semua pihak, termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan pelancong dan warisan ke edisi kedua BFF 2016 di Jalan Jeti Lama pada 13 dan 14 Ogos 2016.

"Mereka boleh kemukakan proposal, selalunya apabila habis sahaja festival pada tahun ini, perancangan dan persiapan untuk BFF seterusnya pada tahun depan (2017) akan mula dibuat," jelasnya kepada pemberita pada Majlis Gotong-Royong MPSP dan Komuniti Sempena Persiapan BFF 2016 di sini baru-baru ini.

Kira-kira 100 peserta terlibat dengan program gotong-royong di 13 lokasi di tapak BFF seluas 12,000

kaki persegi, yang meliputi Jalan Jeti Lama, Jalan Bagan Luar, Lorong Tokong dan Lorong Pasar.

Turut serta, wakil penganjur, R. Murali, yang juga Pengarah Program Butterworth Baharu, iaitu projek rejuvinasi perbandaran warisan, kesenian dan kebudayaan tempatan di sini.

Mengulas lanjut, Maimunah menjelaskan bahawa beberapa NGO ketika berbincang dengan Murali dan Pengarah BFF 2016, Joe Sidek sebelum ini pernah mencadangkan idea 'Pelantar Melayu' sebagai tema festival jalanan percuma pada kali ini.

Namun, mereka tidak menyerahkan kertas cadangan berwajib dalam tempoh waktu yang ditetapkan, sehinggalah 'A Street Performance: Accessible To Public' diangkat sebagai tema BFF 2016.

"Kita tidak boleh menunggu terlalu lama, kerana kita juga perlu memberi tumpuan pada kerja-kerja mempromosi festival ini lebih awal," jelas beliau.

Jambatan ketiga, tanpa kelulusan secara prinsip Pusat, projek terowong dasar laut diteruskan - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Projek terowong dasar laut yang menghubungkan Persiaran Gurney di bahagian pulau ke Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) di bahagian Seberang Perai Utara (SPU) akan diteruskan sekiranya Kerajaan Pusat enggan meluluskan cadangan pembinaan jambatan ketiga tanpa tol pertama seumpamanya di Malaysia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebagai respons terhadap surat Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof bertarikh 4 Ogos 2016, antara lain mengangap cadangan Kerajaan Negeri untuk membina jambatan ketiga tanpa tol ditutup dan hanya akan mempertimbangkan semula setelah laporan kebolehlaksanaan dikemukakan.

"Projek terowong dasar laut tetap diteruskan dan Kerajaan Negeri tidak pernah berniat

untuk 'menggugurkan' projek tersebut, cuma berbanding kerja membina jambatan, terowong akan memakan kos lebih tinggi.

"Pun begitu, sekiranya Kerajaan Pusat boleh memberi kelulusan secara prinsip kepada Kerajaan Negeri untuk membina jambatan ketiga berbanding terowong, penjimatan yang diperoleh boleh digunakan untuk membiayai kos pembinaan jambatan bebas tol.

"Pulau Pinang mahu membuktikan bahawa kita (Kerajaan Negeri) mampu membina sebuah jambatan tanpa tol dan Barisan Nasional (BN) tidak boleh (membina jambatan bebas tol).

"Saya harap Kementerian (Kerja Raya) dapat memberi kelulusan secara prinsip untuk membina jambatan ketiga tanpa tol atau kita (Kerajaan Negeri) akan teruskan dengan projek terowong dasar laut," ujarnya pada sidang media sejurus merasmikan Penang Hepatitis Day di Gurney Paragon, 7 Ogos lalu.

Mangsa banjir harap RTB Sg. Teluk Kumbar disempurnakan segera

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BAYAN LEPAS -

“Alhamdulillah, syukur sangat-sangat, orang memberi kita merasa,” luah warga emas yang juga penerima sumbangan banjir Kerajaan Negeri, **Che Su Ahmad**, 66, dari Kampung Nelayan, dekat sini.

Che Su merupakan antara 24 keluarga mangsa banjir di Teluk Kumbar yang menerima sumbangan (banjir) daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Menurut Che Su, dia amat berbesar hati dan gembira menerima sumbangan tersebut daripada Kerajaan Negeri yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

“Alhamdulillah, Kerajaan Negeri amat prihatin dengan nasib yang menimpa kami,” katanya yang turut berkongsi detik-detik cemas apabila air mula mencecah paras lutut dalam tempoh beberapa jam dalam kejadian 18 Julai lalu.



ROMZI Abdullah.



CHE Su Ahmad.

Seorang lagi penerima, **Romzi Abdullah**, 63, turut meluahkan rasa syukur memperoleh bantuan tunai daripada Kerajaan Negeri.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri...sumbangan ini dapatlah bantu perbelanjaan harian kami sekeluarga,” katanya yang berasal dari Sarawak, tetapi sudah menetap di Pulau Pinang sejak tahun 1975.

Dalam pada itu, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz ketika ditemui turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri terutama Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang berterusan bertanyakan khabar dan menyalurkan bantuan kepada



MOHD. Rashid Hasnon (tujuh dari kiri) dan Phee Boon Poh (lapan dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama mangsa-mangsa banjir pada majlis penyampaian sumbangan di sini baru-baru ini.

mangsa banjir di Teluk Kumbar.

“Kali ini, Kerajaan Negeri bukan sahaja menghulurkan bantuan kewangan kepada 24 keluarga mangsa banjir, malah juga membawa berita gembira apabila sebelum ini, Y.B. Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) mengumumkan peruntukan pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Teluk Kumbar.

“Melalui peruntukan RTB tersebut, sebuah rumah pam baharu akan dibina berdekatan

muara Sungai Teluk Kumbar menggunakan pam yang lebih besar dan sekaligus dapat mengurangkan risiko banjir melanda beberapa kampung dekat Bayan Lepas.

“Lagipun, kawasan di sini (Teluk Kumbar) kerap dilanda banjir apabila air pasang, tetapi banjir baru-baru ini dipercayai akibat hujan lebat yang luar biasa,” katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Banjir Kampung Nelayan Teluk Kumbar baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Ederis

Mat Din.

Rata-rata mangsa banjir yang ditemui pada majlis tersebut berharap projek RTB Sungai Teluk Kumbar dapat disempurnakan segera bagi mengelak kejadian banjir besar pada tahun 2013 berulang lagi.

Pada 18 Julai lalu beberapa kawasan sekitar Bayan Lepas dilanda banjir kilat termasuk Taman Iping dekat Batu Maung setelah hujan turun tanpa henti selama beberapa jam sehingga memaksa 24 keluarga dipindahkan ke Pusat Penempatan Sementara di Dewan Komuniti Teluk Kumbar.

Lancar Skim Sewa Beli rumah, ganti SOS

JAWI - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperkenalkan Skim Sewa Beli unit rumah di Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai, kerana Skim Pemilikan Bersama (SOS) yang dicadangkan sebelum ini bagi kedua-dua projek perintis tersebut sukar dilaksanakan secara perundangan.

Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, **gantikan skim itu diputuskan dalam Mesyuarat Exco pada 15 Jun lepas.**

“Setelah perbincangan diadakan dengan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang berkenaan perjanjian Skim Pemilikan Bersama, ia telah didapati bahawa keadaan perundangan di negara Malaysia, terutamanya peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara, menjadikan ia sukar untuk Kerajaan Negeri meletakkan caj kedua ke atas unit hartanah yang hendak dijual melalui skim ini (SOS) untuk tujuan melindungi kepentingannya, sekiranya caj pertama telah dimasukkan oleh bank komersil yang memberi pinjaman kepada pembeli,” ujarnya pada 23 Julai lalu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata demikian dalam Majlis Pelancaran Skim Sewa Beli Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai di sini.

Turut serta, ADUN Jawi, Soon Lip Chee serta ADUN Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee yang juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Difahamkan, SOS diumumkan ketika perbentangan Bajet 2014, dengan konsep Kerajaan Negeri memberi pinjaman perumahan

sehingga 35 peratus daripada nilai hartanah, manakala baki 65 peratus lagi dipinjam melalui bank komersial.

SOS diperkenalkan supaya lebih ramai rakyat daripada golongan berpendapatan rendah layak mendapat pinjaman perumahan bank untuk membeli rumah mampu milik pertama jenis *clustered house*.

“Ini suatu lagi inisiatif Kerajaan Negeri, ketika ini, kadar penolakan pinjaman perumahan (untuk semua kategori) oleh pihak bank komersial kira-kira 70 peratus,” jelasnya berdasarkan maklum balas Penolong Gabenor BNM, Abu Hasan Alshari Yahaya pada 2 November 2015.

Di Taman Seruling Emas, Blok A rumah pangsa empat tingkat terdiri oleh 169 unit rumah dan Blok B (190 unit).

Daripada keseluruhan jumlah 359 unit rumah yang dibina, 51 buah telahpun diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pelaksanaan Skim Sewa Beli.

“Tiap-tiap unit ini mempunyai dua bilik dan bersaiz 543.3 kaki persegi.

“Kadar sewa beli untuk projek di Taman Seruling Emas ini adalah sewa RM100 sebulan dan penyelenggaraan RM20 sebulan untuk tempoh 15 tahun,” ujarnya.

Di Taman Sungai Duri Permai pula, terdiri oleh 224 unit rumah jenis *clustered house* tiga bilik dengan luas lantai 543.3 kaki persegi.

Jagdeep memberitahu, 104 unit rumah baru diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan proses Skim Sewa Beli juga, bukan SOS.

“Asalnya untuk Skim Pemilikan Bersama (SOS), yang sekarang akan digantikan dengan



JAGDEEP Singh Deo (barisan depan, enam dari kiri), Soon Lip Chee (barisan depan, empat dari kiri) serta Maktar Shapee (empat dari kanan) merakamkan gambar kenangan dengan para pembeli Rumah Mampu Milik A pada Majlis Pelancaran Skim Sewa Beli Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai di sini baru-baru ini.

Skim Sewa Beli.

“Kadar sewa beli adalah sewa RM150 sebulan dan penyelenggaraan RM20 sebulan untuk tempoh 23 tahun,” katanya.

Setakat ini, Jagdeep memberitahu, **tiga pemohon telah berjaya dipilih dan ditawarkan untuk unit rumah di Taman Seruling Emas.**

Tambah beliau, tujuh pemohon lain yang terlibat dengan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang (DTL) dan Sungai Kerian (SPS) turut layak dan berjaya ditawarkan unit rumah di Taman Sungai Duri Permai.

“Syarat kelayakan untuk Skim Sewa Beli ini adalah sama dengan syarat kelayakan unit-unit Rumah Mampu Milik A (RMM A - kos rendah) dan senarai yang terpakai untuk kedua-dua projek perintis ini adalah senarai menunggu Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)

“Ada seramai 170 pemohon yang berminat, iaitu 138 untuk Taman Sungai Duri Permai dan Taman Seruling Emas (32) yang akan dipertimbangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) akan datang,” ujarnya.

Kuatkuasa RKK Bukit Bendera, Tapak Warisan Dunia George Town lanjut 1 September

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera dan RKK Tapak Warisan Dunia George Town yang sepatutnya dikuatkuasa pada 1 Ogos, akan dilanjutkan sehingga 1 September 2016.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, disebabkan beberapa isu teknikal dan sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kerajaan Negeri akan melanjutkan tempoh satu bulan (dan mula dikuatkuasakan) pada 1 September (2016)," ujarnya sebelum meminta Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan) mengulas lanjut berhubung perkara berkaitan.

Hadir sama pada sidang media berkaitan, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait.

Difahamkan, RKK Bukit Bendera adalah suatu pelan induk terperinci yang mengandungi idea-idea formal atau cadangan bagi menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan yang unik, selain kaedah penyelesaian bukit mampan.

Pewartaan RKK Tapak Warisan Dunia George Town pula dibuat setelah semua peruntukan di bawah Subseksyen 15(1C), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dipatuhi.

Akta 172 akan berperanan sebagai satu garis panduan bagi kawalan perancangan pembangunan dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, dengan RKK berkaitan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang.

Pada sidang media itu, Guan Eng turut mengumumkan Mokhtar sebagai Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang yang pertama dalam sejarah negeri ini.

Manakala, Kon Yeow pula memberitahu, langkah



MOKHTAR Mohd. Jait.

moratorium atau pergantungan serta penangguhan kegiatan penguatkuasaan berwajib atas persetujuan bersama dalam menjayakan pelan pemutihan hotel di negeri ini turut dilanjutkan sehingga 1 September ini.

"Apa yang saya umumkan (sebelum ini) mengenai tarikh pelaksanaan kuatkuasa 1 Ogos (2016) berhubung pelan pemutihan hotel, maka akan ikut

tarikh 1 September (2016)...maka pengusaha yang masih belum masuk (membuat permohonan) bolehlah mengambil peluang terakhir ini.

"Maksudnya, sebarang permohonan yang dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sekiranya selepas 1 September (2016) itu akan mengikut apa yang diperuntukan dalam SAP (sistem, aplikasi dan produk-produk)," jelas beliau.

Selepas itu, Jagdeep menjelaskan mengenai skop serta proses penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Negeri Pulau Pinang 2016, yang akan menjadi mekanisme perundangan subsidiari terhadap penguatkuasaan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011.

"Skop Peraturan-peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016 ini akan memperincikan peruntukan bagi pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya dan warisan semula jadi serta tapak-tapak

warisan lain di seluruh negeri Pulau Pinang, tetapi tidak termasuk objek, tapak warisan dan warisan kebudayaan di bawah air yang telahpun didaftarkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645," jelasnya.

Beliau memberitahu, Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 19 Mei 2011, lalu mendapat perkenan Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada 27 Jun tahun sama.

Tambah Jagdeep, pelaksanaan Peraturan-peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016 dan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 kini di bawah tanggungjawab Pesuruhjaya Warisan.

"Penetapan tarikh kuasa enakmen bolehlah ditentukan selepas tertubuhnya Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang dan pelantikan Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang," ujarnya.

Rayer bebas tuduhan menghasut

Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Mahkamah Sesyen George Town sekali lagi membebaskan dan melepaskan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer daripada tuduhan menghasut kerana

melafazkan perkataan 'celaka' terhadap sebuah parti politik pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, 20 Mei 2014.

Menurut Hakim Ibrahim Osman, lafaz Rayer adalah dalam forum yang betul, dengan merujuk pada

elemen keamanan dan keharmonian sebagaimana dibangkitkan dalam ucapan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Katanya, mahkamah tidak dapat menerima penghujahan pihak pendakwaan bahawa sebuah parti

membawa maksud sesuatu kaum, dan perlu menerima hakikat bahawa ia dilihat sebagai suatu entiti politik.

"Saya tidak yakin dan tidak percaya tertuduh (Rayer) mempunyai kecederungan menghasut," kata Ibrahim di kamar Mahkamah Sesyen 2 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, Rayer dituduh di bawah Akta Hasutan 1948 yang membawa hukuman penjara lima tahun dan denda RM5,000, jika sabit

kesalahan.

Pihak pembelaan diketuai oleh Gobind Singh Deo yang juga Ahli Parlimen Puchong serta Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Manakala pihak pendakwaan diwakili, Timbalan Pendakwa Raya, Lim Saw Sim dan Farah Aimy Zainul Anwar.

Pada 29 April lalu, Rayer turut dibebaskan dan dilepaskan daripada satu tuduhan menghasut ekoran melafazkan ungkapan sama ketika berceramah di perkarangan Island Glade pada 20 Mei 2014.

Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahan masing-masing.

Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam pirus, Daerah Seberang Perai Utara, SPU).

Daftarlah sekarang!!



(Depan, dari kiri), KETUA Menteri, Gobind Singh Deo, R.S.N. Rayer dan Ramkarpal Singh di luar kamar Mahkamah Sesyen 2 George Town di sini baru-baru ini.

Cadangan pelan pengangkutan alternatif NGO tidak selesai isu pengangkutan awam - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pelan pengangkutan alternatif dicadangkan sebuah badan bukan kerajaan (NGO), *Penang Forum* bagi mewujudkan rangkaian pengangkutan lebih baik, lebih murah serta lebih cepat menggunakan Transit Bas Rapid (BRT) dan trem sebagai medium pengangkutan awam utama tidak akan menyelesaikan isu berkaitan pengangkutan awam.

“Pelan pengangkutan alternatif yang dicadangkan *Penang Forum* hanya akan memenuhi 40 peratus mod pengangkutan awam, manakala baki 60 peratus

lagi iaitu membabitkan kereta persendirian masih 'terperangkap'.

“Malah, penggunaan trem seperti yang dicadangkan hanya akan meningkatkan kesesakan di waktu puncak, kerana jalan-jalan di Pulau Pinang tidak cukup luas untuk membolehkan perkongsian laluan antara trem, kenderaan persendirian dan pejalan kaki.

“Jika untuk pelancong, mungkin penggunaan trem lebih praktikal, tetapi sebagai transit, ia bukanlah suatu penyelesaian kesesakan hakiki.

“Lagipun, moto PIP (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang) adalah *'Moving People, Not Cars'* (Menggerakkan Manusia, Bukan Kereta),” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Projek dari SRS Consortium, Szeto Wai Loong, Pengurus Projek (SRS Consortium), Poh Chin Ching dan Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, K. Vishantini.

Dalam pada itu, Wai Loong menegaskan bahawa pelan pengangkutan alternatif berkaitan tidak termasuk rencana pembiayaan dana.

“Kos pembinaan trem bukan murah jika dibandingkan dengan LRT (aliran transit ringan) kerana laluan khusus (*dedicated lanes*), jadi apabila tambahan ruang diwujudkan, maka kos pembinaan juga perlu ditambah.

“Sebagai contoh trem di Edinburgh, Scotland, pelan asal pembinaan adalah sejauh 18.5 kilometer (km), tetapi hanya mampu

disiapkan sejauh 14 km kerana kekurangan dana.

“Penggunaan LRT pula sebaliknya, kerana kita (SRS Consortium) mencadangkan penggunaan landasan yang ditinggikan, jadi tidak perlu laluan tambahan,” jelasnya.

Tambah Wai Loong, kos sebenar PIP Pulau Pinang hanya akan diketahui apabila urusan tender selesai.

“Cadangan asal, kos adalah RM27 bilion mengikut cadangan kajian *Halcrow*, tetapi kami (SRS Consortium) menganggarkan jumlah tersebut akan meningkat sehingga RM46 bilion kerana terdapat komponen tambahan untuk pelaksanaan di Seberang Perai,” katanya.

Dalam masa sama, Wai Loong turut menegaskan bahawa tanah

yang ditambah di selatan Pulau Pinang akan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan hasil daripada penjualan tanah iaitu melalui lelongan awam, akan digunakan untuk membiayai PIP.

“Kawasan yang ditambah itu kelak akan menjadi pemacu ekonomi negeri sekaligus melengkapkan rangkaian pengangkutan yang bersepadu,” ujarnya.

Terdahulu, *Penang Forum* mendakwa bahawa kos pelaksanaan PIP terlalu tinggi dan tidak bersepadu. Turut ditekankan adalah rakyat Pulau Pinang tidak memerlukan lebih banyak lebuh raya, sebaliknya memperkenalkan sistem laluan trem dilengkapi BRT bagi mengurangkan penggunaan kereta di jalan raya.

Maklumat lanjut, layari <http://pgmasterplan.penang.gov.my/>.

PIP, KN ambil langkah holistik pelihara kampung tradisi

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri dan syarikat dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) di bawah Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang, SRS Consortium (SRS) bakal memastikan impak yang minama bagi pelaksanaan projek berkaitan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian sebagai respons terhadap kenyataan seorang profesor dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang mendakwa bahawa 29 kampung tradisi di Pulau Pinang bakal berdepan ancaman 'hilang dari peta' akibat pelaksanaan PIP.

“Pastinya, kita (Kerajaan Negeri dan SRS) akan memastikan impak yang paling minima sepanjang melaksanakan projek-projek di bawah PIP.

“Tidak seperti yang didakwa oleh seorang profesor dari USM,” katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, **berdasarkan maklumat dibentangkan SRS, hanya 29 rumah dari lima buah kampung di daerah Barat Daya terlibat bagi pelaksanaan projek aliran transit ringan (LRT) Bayan Lepas.**

“Antara kampung tersebut ialah Kampung Selamat, Kampung Baruh, Kampung Padang, Kampung Seronok dan Kampung Binjai.

“Manakala, bagi projek *Pan Island Link* (PIL), 14 rumah dari sebuah kampung dikenalpasti akan terjejas akibat pengambil tanah.” jelasnya.

Tambah Kon Yeow, **jumlah pengambilan tanah yang terlibat tertakluk kepada Pejabat Tanah, memandangkan masih terdapat beberapa perkara yang masih perlu diperincikan termasuk penilaian kajian-kajian seperti mitigasi dan sebagainya bagi mengurangkan impak terhadap penduduk terbabit.**

“Perlu dinyatakan di sini, bagi kampung-kampung yang terlibat, bukan keseluruhan kampung akan terhapus, cuma beberapa buah rumah sahaja, namun, ia masih belum dimuktamadkan lagi.

“Kerajaan Negeri pastinya mengambil langkah-langkah holistik bagi memastikan kampung-kampung tradisi di Pulau Pinang terpelihara di bawah Undang-undang Warisan Negeri Pulau Pinang 2011,” jelas beliau sebagai jaminan.

Pada 3 Julai lalu, sebuah akhbar melaporkan kenyataan seorang profesor dari USM yang mendakwa 29 kampung berkemungkinan berdepan risiko lenyap berikutan aktiviti pembangunan termasuk pelaksanaan projek-projek PIP.

Terusan bakau Sia Boey singkap sejarah laluan kapal pedagang



KETUA Menteri, Chow Kon Yeow (tiga dari kanan) dan Dr. Ang Ming Chee (dua dari kiri) teliti mendengar penjelasan berhubung penemuan terusan lama di Sia Boey sempena lawatan mereka ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.

SINGKAP SEJARAH SIA BOEY...

Penemuan sebuah terusan lama menggunakan struktur kayu bakau dekat Sia Boey, George Town baru-baru ini menyingkap susur sejarah yang tidak pernah didokumentasikan sebelum ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengadakan kunjungan ke tapak penemuan tersebut pada 29 Julai lalu berkata, ia merupakan sesuatu yang baharu dan mempunyai nilai sejarah yang perlu diketengahkan.

Turut ditemui beberapa artifak yang dipercayai serpihan tembikar.

Hadir sama pada lawatan berkaitan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee.

Sia Boey yang membawa maksud 'Penghujung Kota' adalah tapak pasar lama terletak berhampiran Komtar.

Sebelum pertengahan kurun ke-19,

kawasan tersebut merupakan Terusan Prangin yang menjadi laluan kapal pedagang.

(Lagi berita di muka surat 23).



KM syor guna bas bertingkat untuk BEST

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

PANTAI JEREJAK – Syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan, RapidPenang Sdn. Bhd. (RapidPenang) disyor menyediakan bas bertingkat memandangkan kegunaan perkhidmatan pengangkutan bas percuma *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) ke Zon Perindustrian Bebas (FIZ) kian meningkat kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri sejak 2011 membelanjakan RM9.85 juta untuk membiayai kos perkhidmatan BEST demi mengurangkan kesesakan trafik pada waktu-waktu puncak di Jambatan (Pertama) Pulau Pinang serta FIZ, Bayan Lepas.

“Saya berharap perkhidmatan ini dapat digunakan secara optimum oleh rakyat negeri

ini demi memastikan perkhidmatannya berkekalan dan mencapai objektif ditetapkan,” ujarnya pada Majlis Perjumpaan Ketua Menteri Dengan Pengguna BEST Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, BEST mendapat sambutan menggalakkan daripada kumpulan sasar berwajib sejak diperkenalkan pada 1 Mac 2011.

“Kadar penumpang telah meningkat kepada purata sehari penggunaan ialah 400 hingga 450 pengguna untuk perjalanan sehala.

“Ini bermakna, jumlah keseluruhan pengguna sehari mencecah 900 pengguna membabitkan 14 bas yang diguna untuk melaksanakan perkhidmatan ini di laluan utama dan laluan feeder,”

jelasnya yang juga Pengerusi Majlis Pengangkutan Pulau Pinang (PTC).

Tambah Kon Yeow, penyediaan bas bertingkat akan memberi lebih keselesaan kepada pengguna, sungguhpun jumlah bas yang disediakan masih mencukupi ketika ini.

“Jadual perjalanan bas bermula seawal 6.30 pagi, ia (waktu) kadangkala sesak dengan jumlah penumpang yang semakin ramai sehingga ada yang terpaksa berdiri sepanjang perjalanan dari Seberang Jaya ke kawasan FIZ.

“Justeru, kita (Kerajaan Negeri) berharap dengan adanya bas bertingkat ini nanti, masalah tersebut dapat diatasi,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga ADUN Pantai Jerejak serta Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang, Mejar (B) Mohd. Shukri Abdul Rahman.



KETUA Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (berbaju ungu) beramah-mesra dengan para penumpang BEST sempena Majlis Perjumpaan Ketua Menteri Dengan Penumpang BEST di sini baru-baru ini.

Jadikan P. Pinang destinasi perubatan pilihan

SEBERANG JAYA –

Dengan perkembangan teknologi perubatan hari ini, pembedahan implan koklea atau pemasangan alat bantu dengar yang ditawarkan di sebuah pusat perubatan swasta, Hospital Loh Guan Lye dekat George Town mampu menangani masalah pendengaran kanan-kanak.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian ketika merasmikan Kejohanan Tenpin Boling Pekak Malaysia Ke-9 di sini baru-baru ini.

“Di Pulau Pinang, terdapat hospital swasta yang memberi peluang kepada kanak-kanak di bawah usia lima tahun yang mengalami masalah pendengaran untuk mendengar semula,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Justeru, Afif berharap lebih ramai pihak tampil memberi sumbangan atas nama tanggungjawab sosial korporat (CSR), kerana kos pembedahan yang dilakukan di hospital tersebut bukanlah murah.

Tambah beliau, hospital-hospital di Pulau Pinang digalakkan untuk menyediakan lebih banyak teknologi perubatan canggih, memandangkan Kerajaan Negeri mahu terus menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan perubatan terbaik di rantau ini.

“Sekiranya mampu, kita (Kerajaan Negeri) mahu Pulau Pinang menerajui bidang ini (pemulihan pendengaran kanak-kanak) dan menyeru bukan sahaja hospital



DR. Afif Bahardin (berbaju batik) mengambil kesempatan berwefie bersama-sama sebahagian peserta Kejohanan Tenpin Boling Pekak Malaysia Ke-9 di sini baru-baru ini.

swasta, tetapi juga hospital kerajaan untuk sama-sama membantu mencari penyelesaian dan menjadikan Pulau Pinang destinasi pilihan bagi perubatan,” ujarnya.

Timbalan Presiden Persatuan Orang-orang pekak Malaysia, Soo Kok Heng turut serta majlis tersebut.

Secara purata, dua hingga lima kanak-kanak dalam setiap 1,000 kelahiran mengalami masalah pendengaran kongenital sejak lahir.

Berdasarkan data statistik itu, difahamkan, negara-negara seperti Singapura, Amerika Syarikat dan Australia mewajibkan ujian saringan pendengaran

dan pertuturan bagi setiap bayi baru lahir, namun bukan kemestian di tanah air ini.

Pun begitu, warganegara yang mempunyai bayi atau kanak-kanak lambat bertutur disaran membuat ujian saringan berwajib.

Kejohanan tenpin boling yang berlangsung selama tiga hari bermula 21 Julai lalu, disertai lebih 100 peserta dan pegawai sukan dari seluruh Malaysia.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan kepada Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang bolehlah menghubungi persatuan berkenaan di talian 04 - 226 0160 atau emel ke, pgdeafass@yahoo.com.

Tampil bantu kanak-kanak alami masalah pendengaran, seru Exco

GEORGE TOWN – Hanya dengan berbasikal, seseorang itu boleh bermalah bagi meringankan beban insan lain yang kurang bernasib baik serta memerlukan.

Perkara itu terbukti apabila sejumlah RM12,000 berjaya dikumpul sempena program kayuhan amal, *Ride for Hearing* anjuran pusat perubatan swasta, Hospital Loh Guan Lye sebagai membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang ditemui sebelum menyempurnakan pelepasan peserta berkata, dana yang dikumpulkan pada hari tersebut akan disalurkan kepada Dana Kebajikan Kwong Wah Yit Poh Berhad untuk disumbangkan kepada golongan memerlukan.

“Saya difahamkan, hari ini (24 Julai), seramai 417 peserta mengambil bahagian, menunjukkan sokongan atas usaha murni ini dalam meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga pesakit.

“Inisiatif ini bukan sahaja untuk membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran menjalani pembedahan implan koklea, malah juga bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

“Diharap lebih ramai yang tampil membantu mereka (kanak-kanak berusia lima tahun dan ke bawah) yang mengalami masalah pendengaran untuk pulih semula,” katanya yang turut menyertai kayuhan sejauh 30 kilometer dari perkarangan Hospital Loh Guan Lye ke Queensbay Mall, Pantai Jerejak baru-baru ini.

Turut serta, Pakar Telinga, Hidung dan Tekak (E.N.T) Hospital Loh Guan Lye, Dr. Lim Seh Guan dan Pengarah Eksekutif Hospital Loh Guan Lye, Dr. Nicholas Loh.

Seh Guan dalam pada itu memberitahu, sumbangan dana tersebut sedikit sebanyak memberi sinar harapan baharu kepada keluarga yang memerlukan agar anak-anak mereka dapat mendengar seperti insan normal lain.

Hospital Loh Guan Lye mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam pembedahan implan koklea dan berjaya memulihkan 95 pesakit setakat ini.

P. Pinang tidak pinggir golongan memerlukan - Mohd. Rashid

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) sentiasa meletakkan komitmen dan perhatian penuh terhadap pelbagai lapisan masyarakat di negeri ini, tidak terkecuali golongan kurang bernasib baik.

Tambahnya, sebagai bukti, pelbagai saluran digunakan untuk menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada golongan berkaitan.

"Umpamanya, kita (Kerajaan Negeri) telah 'meningkatkan' pendapatan isi rumah di Pulau Pinang dari tahap minima RM600 kepada RM770, iaitu pada kadar yang melebihi garis kemiskinan negara.

"Sekiranya terdapat mana-mana isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM770, maka, Kerajaan Negeri akan 'top-up' bakinya sehingga

cukup RM770 sebulan sekiranya memenuhi syarat ditetapkan menerusi program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Pusat Dialisis sendiri yang dikenali sebagai Pusat Dialisis CAT, bertujuan meringankan beban pesakit buah pinggang dengan kos rawatan antara RM30 hingga RM80 berbanding jumlah sebenar melebihi RM100," ujarinya pada Majlis Sumbangan Kaki Palsu dan Kerusi Roda Ke-18 anjuran *Lions Club Of Penang Light* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Projek Prosthetic Limbs, Leslie Hong dan *1st Vice District Governor Lions Club Of Penang Light*, Douglas Oh.

Mengulas mengenai majlis berkaitan, Mohd. Rashid memuji usaha pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club Of Penang Light* yang menyumbangkan empat kaki palsu dan enam kerusi roda kepada individu-individu terpilih.

"Ini adalah usaha murni, orang ramai bukan sahaja perlu



beri sokongan, malah, ia wajar dicontohi," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Dalam pada itu, Leslie

memberitahu, projek tahunan ke-18 tersebut merupakan usahasama dengan *Lions Club* dari Kuala Lumpur, Singapura dan Taiwan.

"Projek ini melibatkan tiga

objektif utama iaitu mengumpul dana projek, mengenalpasti golongan memerlukan dan mendapatkan sumber anggota palsu dan ortopedik," jelasnya.

Sumbangan demi pembangunan asrama kanak-kanak istimewa

SUMBANGAN BERTERUSAN KERAJAAN NEGERI...

Ketua Menteri baru-baru ini menyampaikan sumbangan bernilai RM5,200 kepada Pengurus Besar Asrama Ramakrishna, K. Ramasamy bagi tujuan pembangunan asrama berkaitan.

Majlis penyampaian tersebut disempurnakan ketika beliau hadir pada Pesta Upacara Kartigai Ke-45 di Kuil Sri Aruloli Thirumurugan, Bukit Bendera.

Turut disumbangkan adalah sumbangan RM5,000 kepada kuil berkenaan.



KETUA Menteri menyampaikan sumbangan kepada K. Ramasamy ketika hadir pada Pesta Upacara Kartigai Ke-45 di Kuil Sri Aruloli Thirumurugan, Bukit Bendera di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN jemaah haji bergambar bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (barisan depan, berbaju perang) pada Majlis Meraikan Bakal-bakal Jemaah Haji di Masjid Umar Abdul Aziz di sini baru-baru ini.

88 jemaah haji dirai ADUN Batu Maung

BATU MAUNG - Seramai 88 bakal jemaah haji dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung diraikan dalam sebuah majlis yang diadakan di Masjid Umar Abdul Aziz di sini 30 Julai lalu.

Majlis Meraikan Bakal-bakal Jemaah Haji tersebut dianjurkan Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN) merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Abdul Malik berkata, majlis berkenaan adalah sebagai tanda kesyukuran serta meraikan bakal jemaah haji yang akan berangkat ke Tanah Suci mengerjakan Rukun

Islam kelima tersebut.

"Mari kita sama-sama memanjakan kesyukuran kepada Allah SWT kerana terpilih untuk menjadi tetamuNya tahun ini.

"Oleh itu, berusahalah agar terpilihnya anda (jemaah Haji), akan menjadikan anda semua jemaah terbaik yang pulang dengan haji yang mabrur," ujarinya pada majlis keraian tersebut.

Majlis tersebut turut diserikan dengan solat Asar secara berjemaah, bacaan Yasin dan sumbangan khas kepada para jemaah.

Difahamkan seramai 890 jemaah Haji dari Pulau Pinang telah berangkat ke Tanah Suci bermula pada 4 Ogos lalu.

Entopia untuk pelancongan semulajadi dunia

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **CHAN LILIAN**

TELUK BAHANG – Entopia yang dahulunya dikenali sebagai Taman Rama-Rama Pulau Pinang dekat Teluk Bahang di sini dibuka kembali untuk dikunjungi pelancong seluruh dunia.

Entopia, yang kini diurus oleh Butterfly House Penang Sdn. Bhd. bakal menjadi taman hidupan bagi 15,000 rama-rama, 300 hingga 400 ekor sibur-sibur dan kelip-kelip pertama negara.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yoew baru-baru ini merasmikan pembukaan semula pusat pelancongan tersebut mewakili

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

“Oleh kerana beliau (Guan Eng) mempunyai lawatan ke tempat lain, maka beliau tidak dapat bersama kita di sini (Entopia).”

“Namun, saya amat yakin beliau (Guan Eng) akan membuat lawatan khusus ke sini tidak lama lagi kerana beliau (Guan Eng) dari awal lagi mempunyai minat yang mendalam untuk menyaksikan majlis pembukaan semula Entopia,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Menurut Kon Yeow, beliau yakin, dengan pembukaan semula Entopia, akan menggandakan kehadiran pengunjung tempatan dan pelancong asing yang berminat dengan aktiviti pelancongan semulajadi ke Teluk Bahang kelak.

Tambahnya, lokasi Entopia yang begitu strategik serta tidak jauh dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, sekaligus akan menggandakan kehadiran pelancong ke negeri ini.

“Dengan begitu banyak, tempat-tempat pelancongan warisan juga, kita (Kerajaan Negeri) percaya bahawa dengan pendekatan yang betul, kita boleh merangkumkan Pulau Pinang sebagai kawasan



JAGDEEP Singh Deo (tengah) bersama-sama anaknya mencuri kesempatan menyentuh rama-rama besar yang hinggap pada tubuh Chow Kon Yeow ketika berkunjung ke Majlis Pembukaan Semula Entopia di sini baru-baru ini.



PINTU masuk Entopia.

pelancongan semulajadi untuk dunia,” jelasnya.

Sebelum itu, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Butterfly House Penang Sdn. Bhd., Joseph Goh memberitahu, kawasan pelancongan semulajadi itu dibuka ketika mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu menjadi Ketua Menteri.

Pada Mac tahun lalu, beliau memberitahu, taman rama-rama itu ditutup untuk kerja-kerja penarafan yang menelan belanja kira-kira RM50 juta, dan, dibuka semula pada 2 Mei lepas.

“Kami memperluas

kawasannya daripada kira-kira 30,000 kaki persegi kawasan asal, kepada lebih 100,000 kali persegi sekarang untuk menempatkan lebih 15,000 jenis rama-rama daripada kira-kira 100 spesies.

“Selepas pembukaan pada Mei (2016), fasa kedua akan diteruskan pada tahun 2019 yang secara keseluruhan bakal memiliki kemudahan kira-kira 140,000 kaki persegi,” ujarnya.

Informasi lanjut, layari Facebook rasmi Entopia di alamat <https://www.facebook.com/entopiapenang>.

Pengarah JKMPP seru pusat jagaan segera daftar lesen

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Sehingga tarikh 19 Julai lalu, sebanyak 45 pusat jagaan di negeri ini masih tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKMPP).

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengarah JKMPP, Said Sidup pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, kebanyakan pusat jagaan berkaitan belum mendapat kelulusan daripada pihak berwajib ekoran tidak memenuhi syarat dan kriteria ditetapkan sebelum memperoleh lesen sah daripada pihak JKM.

“Mengikut prosedur, pengusaha dan pengendali pusat jagaan perlu memperoleh kelulusan daripada pihak-pihak berwajib iaitu pihak berkuasa

tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

“Tiga jabatan ini perlu meluluskan dahulu, kemudian baharulah pihak JKM memproses dan meluluskan lesen kepada pemohon untuk memulakan operasi,” jelasnya.

Justeru, Said menyeru semua pengendali pusat jagaan yang beroperasi tanpa lesen di negeri ini agar segera berbuat demikian.

“Kita ingin nasihatkan mereka supaya segera mendaftar dan patuhi segala undang-undang yang telah ditetapkan.

“Ini adalah demi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan penghuni terutamanya kanak-kanak di bawah seliaan mereka

berada dalam keadaan terbaik serta pemantauan dapat dilakukan oleh JKM secara berjadual,” ujar beliau.

Said dalam pada itu juga menasihatkan orang awam, khususnya ibu bapa agar lebih peka ketika memilih dan menghantar ahli keluarga masing-masing ke pusat jagaan.

Menurut Seksyen 2 Akta 506, ‘jagaan’ adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Manakala, ‘pusat jagaan’, pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.

Orang awam diminta bekerjasama dan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat pusat jagaan yang beroperasi tanpa lesen sah.

Senarai pusat jagaan sah boleh dirujuk di laman sesawang www.jkm.gov.my.



SAID Sidup.

Semua Program Emas diteruskan selagi Pakatan Harapan memerintah - KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

AIR PUTIH – Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan harapan agar penduduk Pulau Pinang keseluruhannya memberi kerjasama penuh kepada Kerajaan Negeri bagi menjayakan matlamat dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan berkebakjikan.

“Kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja nak selesaikan masalah di kawasan ini, tetapi kita (Kerajaan Negeri) inginkan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang untuk seluruh Pulau Pinang.

“Selagi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) memerintah Pulau Pinang, saya memberi jaminan bahawa semua 'Program Emas' yang

dilaksanakan Kerajaan Negeri akan diteruskan seperti Program Ibu Emas, Anak Emas, Warga Emas dan Pelajar Emas.

“Malah, bantuan kepada pemandu teksi sebanyak RM1,200, pelajar universiti (RM1,000) dan nelayan (bantuan pukut) juga tidak akan diabaikan,” katanya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Pelbagai lapisan penduduk membanjiri perkarangan Masjid Kampung Baru bagi meraikan majlis berkaitan.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Penduduk sekitar disajikan dengan hidangan seperti nasi minyak, laksa dan ais kacang.



PENDUDUK setempat tidak melepaskan peluang merakamkan gambar bersama-sama Ketua Menteri pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.

Hadiah Peraduan Kumpul & Menang diguna untuk pembelajaran – Siti Nur Bahirah

SEBERANG JAYA – “Mula-mula tak percaya, tak sangka rupanya betul-betul menang!” reaksi Siti Nur Bahirah Rosdi, 14, selepas diumumkan sebagai pemenang Peraduan Kumpul & Menang Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut pelajar Tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul terabit, ketika dihubungi wakil Buletin Mutiara, beliau tidak percaya bahawa tuah memihak kepada dirinya.

“Pihak (wakil) Buletin Mutiara ada menghubungi mak (berdasarkan nombor telefon yang diberi dalam borang penyertaan) supaya hadir mengambil hadiah pada 23 Julai 2016, jam 11 pagi di *Sunway Carnival Convention Centre*.

“Pada panggilan pertama, mak persoalan kemenangan tersebut. Betul ke, atau orang lain yang menang, tiada ke surat hitam putih?” soal mak yang hampir menolak 'kemenangan' berkaitan.

Jelas Siti Nur Bahirah, bagi memastikan kesahihan berita tersebut, kira-kira empat panggilan dibuat pihak Buletin Mutiara dan ibunya ke pejabat Sidang Redaksi Buletin Mutiara sehingga mereka sekeluarga bersetuju untuk hadir ke majlis penyampaian hadiah yang diatur.

“Alhamdulillah, walaupun sekadar suka-suka dan mencuba nasib, tetapi betul-betul menang.

“Macam tak percaya, mesti ramai yang menghantar penyertaan,” ujarinya kepada

Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Siti Nur Bahirah, beliau minat membaca Buletin Mutiara kerana isi kandungannya yang mengetengahkan isu lokal (negeri) dan bersifat komuniti dan ia amat menarik perhatiannya.

“Bukan saja menarik sebab semua cerita pasal Pulau Pinang, malah ia diedarkan secara percuma,” jelasnya sambil menyatakan bahawa 'hadiah' tersebut bakal digunakan untuk tujuan pembelajaran beliau.

Peraduan Kumpul & Menang Buletin Mutiara yang diadakan dalam tempoh 1 April 2016 hingga 30 Jun lalu menawarkan hadiah berupa wang tunai RM1,000 kepada pemenang tunggal.

Turut menerima hadiah adalah 23 kanak-kanak 12 tahun dan ke bawah yang memenangi Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0 yang diadakan bermula 1 April 2016 hingga 14 Jun 2016. Juara membawa pulang hadiah wang tunai RM300, naib juara (RM200) dan ketiga (RM150). Turut menerima hadiah adalah 20 pemenang saguhati.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Persekitaran, Phee Boon Poh menyempurnakan majlis penyampaian hadiah berkaitan bersempena penganjuran Karnival Hijau Pulau Pinang 2016.



PHEE Boon Poh (kanan) menyerahkan sijil kemenangan dan hadiah kepada Siti Nur Bahirah Rosdi pada Majlis Pelancaran Karnival Hijau Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, majlis perasmian karnival disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil diiringi Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco

Kerja Raya Utiliti dan Pengangkutan), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang

Perai, MPSP) dan Thing Siew Shuen (Pengurus Besar Penang Green Council, PGC).

Karnival tahunan anjuran PGC bertemakan, 'Pulau Pinang Rumah Hijauku' menerima penyertaan kira-kira 40 pempamer.

Durian produk pelancongan pacu ekonomi negeri - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PULAU BETONG – Selain *Musang King* dan *D24*, durian *Ochee* atau lebih dikenali sebagai 'Duri Hitam' turut mempunyai nilai pasaran tinggi dan boleh dikomersilkan sebagai produk pelancongan negeri.

Demikian dinyatakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon ketika merasmikan Pesta Durian Pulau Pinang di Anjung Indah, Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Katanya, **Pulau Pinang harus berasa bangga kerana berjaya mendaftarkan jenis-jenis durian yang bukan sahaja mempunyai nilai pasaran komersil tinggi, malah bakanya juga lebih baik dan berkualiti.**

"Siapa yang tidak 'kenal' keunikan rasa durian Pulau Pinang, khususnya

durian Balik Pulau sehinggakan, difahamkan, ada pelancong dari Hong Kong sanggup 'turun' ke Pulau Pinang semata-mata untuk menikmati sendiri keenakan durian Balik Pulau setiap kali tibanya musim durian.

"(Dan) inilah anugerah Ilahi yang tidak terhingga khususnya buat negeri Pulau Pinang yang tidak pernah putus-putus menerima kemasukan pelancong sama ada dari dalam Malaysia mahupun luar negara," katanya yang tidak melepaskan peluang untuk turut menikmati keenakan durian acap kali musimnya.

Hadir memeriahkan majlis, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Maktar Shafee; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan),



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) bersama-sama Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kanan) mengopek durian *Ochee* sebagai simbolik perasmian Pesta Durian Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Dr. Mohamad Farazi Johari; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ghazali Derahman; Pegawai Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din; Pegawai Penyelaras kawasan DUN (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid.

Dalam pada itu, Afif memberitahu, buah durian kini bukan sahaja menjadi komoditi eksport, malah memainkan peranan sebagai produk pelancongan dalam memacu ekonomi

negeri.

"Misalnya, harga sekilogram *Ochee* ini mampu mencecah RM80 sekilogram dan harganya jauh lebih tinggi berbanding *Musang King*, sekitar RM60 sekilogram.

"Selain berkualiti, tidak mustahil *Ochee* mampu menjadi 'Raja Buah'," katanya yang akan terus memastikan harga durian di Pulau Pinang berada pada tahap kompetitif dan tidak terlalu mahal untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

FAP perkenal 2 pemain import baru



(Dari kiri), **BOJAN** Hodak, Ranti Martins Soley, Nazir Ariff Mushir Ariff, Gary Nair, Jeong Seok-Min dan M. Murli merakam gambar kenangan sejeurus selesai majlis menandatangani kontrak bersama-sama FAP di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Skuad bola sepak Pulau Pinang memperkenalkan dua pemain import baharu bagi menghadapi pusingan kedua saingan dalam Liga Super musim ini.

Mereka ialah bekas penyerang *East Bengal* (Liga India), Ranti Martins Soley, 29, dari Nigeria dan Jeong Seok-Min, 28, bekas pemain tengah *Jeonnam Dragons* (Korea Selatan) bagi menggantikan Brent Griffiths, 26, dan Osas Marvelous Ikpefua, 29.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Bojan Hodak percaya dengan prestasi kedua-dua pemain baharu tersebut di kelab terakhir mereka, mampu membantu skuad Harimau Kumbang memantapkan permainan.

"Kedua-dua pemain memiliki kebolehan tersendiri dan pastinya kami (FAP) harapkan mereka mempamerkan aksi cemerlang dalam memperkuat skuad ini bagi menghadapi pusingan kedua (saingan liga).

"Saya pasti mereka dapat menyesuaikan diri dengan pemain-pemain lain dan mereka semua (pemain) kini kekal fokus untuk terus berada dalam saingan liga," katanya pada sidang media dan majlis ringkas menandatangani kontrak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff, Naib Presiden, Datuk Gary Nair, Bendahari FAP, Datuk M. Murli dan Ketua Jurulatih FAP, Nenad Bacina.

Pada perlawanan pertama menentang T-Team (Terengganu), 16 Julai lalu, kedua-dua pemain masing-masing menjaringkan dua gol, iaitu Martins Soley 37', Seok Min 60', Seok Min 68' dan Martins Soley 86', menewaskan T-Team dengan jaringan 4-3.

Sebagai rekod, Martins Soley adalah penjaring terbanyak Liga India iaitu 29 gol dalam 36 penampilan bersama East Bengal dan memenangi tujuh gelaran Kasut Emas Liga India.



ABDUL Malik Abul Kassim (duduk, kiri) dan Tie Qunping (duduk, kanan) menandatangani dokumen MoU sambil disaksikan Dr. Abdul Rahman Abbas (tengah) di sini baru-baru ini.

Dagangan halal P. Pinang, China terus kukuh

GEORGE TOWN – Hubungan dagangan halal dua hala antara Pulau Pinang dan China diperkukuhkan menerusi satu memorandum persefahaman (MoU) antara *Penang International Halal Hub* (PIHH) yang juga dikenali sebagai Halal Penang dan *Shaanxi Halal Food Chamber of Commerce*, China baru-baru ini.

Pengerusi Halal Penang, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, perkembangan positif tersebut bukan sahaja meningkatkan kerjasama antara Pulau Pinang dan negara China, malah juga meningkatkan hubungan dua hala rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dengan nilai dagangan mencecah RM230.89 bilion tahun lalu.

Jelasnya, jumlah dagangan besar tersebut mampu dijadikan 'pintu masuk' pasaran produk-produk halal antara kedua-dua pihak.

"Kita (Pulau Pinang) juga boleh meneroka peluang-peluang perniagaan dan pasaran produk halal di sana... begitu juga China, boleh meneroka

peluang-peluang yang ada di Pulau Pinang.

"Cuma apa yang kita (Halal Penang) harapkan, lebih banyak syarikat milikan Muslim dan bukan Muslim tampil membuka peluang dan ruang sebegini demi kelestarian dagangan halal global," ucapnyanya pada majlis menandatangani MoU berkenaan di sini baru-baru ini.

Yang diPertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas hadir menyaksikan detik bersejarah itu. Hadir sama, Yang diPertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hadir mewakili Halal Penang, manakala *Shaanxi Halal Food Chamber of Commerce* diwakili Pengerusinya, Tie Qunping.

Shaanxi Halal Food Chamber of Commerce merupakan sebuah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME) halal dari wilayah Shaanxi, China.

Tanggungjawab umat Islam adalah untuk menegakkan maqasid syariah

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen
Bukit Bendera
merangkap
Pengarah Eksekutif
Penang Institute

PRESIDEN PAS Dato' Seri Abdul Hadi Awang berkata bahawa adalah tanggungjawab setiap orang Islam di negara ini untuk menyokong Rang Undang-undang (RUU) Persendirian untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang diusulkannya sebagai usaha untuk memperkasakan bidang kuasa mahkamah syariah agar setanding dengan mahkamah sivil.

Menurut Hadi, "kalau dia (orang Islam) tak nak naikan taraf mahkamah dia, apa guna dia jadi orang Islam." Malah, beliau turut mengecam orang Islam yang menolak RUU tersebut sebagai "sangat pelik."

Hujah Hadi menganggap bahawa setiap Muslim di Malaysia harus menyokong RUU yang dibawanya, manakala mereka yang tidak pula disindir sebagai "pelik." Kenyataan ini amat bongkak sekali kerana mengandaikan seolah-olah RUU yang dikemukakan adalah setaraf dengan hukum Allah yang kudus.

Hakikatnya, RUU Hadi bukanlah hukum Allah tetapi bancuhan yang sudah melalui pentafsiran manusia. Segala yang terkandung dalam kitab al-Quran adalah sempurna dan tidak boleh dipinda, tidak sebagaimana perundangan manusia.

Kelemahan enakmen hudud

Contoh yang paling nyata adalah ketidakselarian enakmen hudud yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu. Umpamanya, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 2002 yang asal di Terengganu mengandungi kesalahan bughah (derhaka) yang tidak terkandung dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan. Hanya kemudian barulah kesalahan tersebut digugurkan daripada enakmen Terengganu. Apakah hukum Allah boleh ditambah dan digugur dengan begitu sahaja?

Terdapat juga kelemahan-kelemahan lain, seperti hukuman rejam yang terkandung dalam enakmen hudud Kelantan. Hukuman rejam sebenarnya masih menjadi titik pertikaian dalam kalangan agamawan dunia, kerana ada ramai yang berpandangan bahawa hukuman tersebut tidak termaktub dalam al-Quran. Malah, ia dikatakan berasal daripada syariat Yahudi.



Lagi satu aspek hudud yang mengundang kontroversi adalah bias sosialnya. Sebagai contoh, enakmen hudud di Kelantan dan Terengganu dikritik kerana diskriminasi terhadap orang bukan Muslim serta ketidakadilan terhadap kaum wanita. Umpamanya, enakmen hudud Terengganu mengenakan hukuman 80 sebatan ke atas mangsa rogol wanita yang tidak dapat membuktikan dakwaannya. Hujah-hujah ini serta banyak lagi telah pun dihuraikan oleh pelbagai pihak, termasuk sarjana Islam tempatan, Hassan Kamali.

Pelaksanaan hudud yang tidak adil

Seperkara lagi, adalah jelas dan ternyata bahawa pelaksanaan hudud yang ditafsir oleh manusia telah gagal dalam matlamatnya untuk menegakkan keadilan. Ambil sebagai contoh peristiwa di Qatar baru-baru ini, di mana seorang gadis berbangsa Belanda telah dihukum atas kesalahan zina setelah beliau mengadu dirogol. Pada tahun 2013 pula, seorang wanita dari Norway telah dipenjarakan di United Arab Emirates selepas melaporkan kes rogol terhadapnya.

Di Arab Saudi pula, pada tahun 2009 seorang gadis 19 tahun di Qatif telah dijatuhi hukuman 90



ZAIRIL Khir Johari (empat dari kanan) ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang.

sebatan kerana melakukan khalwat, walaupun beliau merupakan mangsa rogol bergilir-gilir oleh tujuh orang lelaki. Lebih teruk lagi, sebatannya telah ditambah kepada 200 setelah beliau tampil membuat pendedahan mengenai pengalamannya kepada media.

Ada banyak lagi contoh, termasuk di Pakistan di mana seorang gadis buta bernama Safia Bibi telah dipenjarakan kerana hamil luar nikah, kerana beliau tidak dapat mengenalpasti perogolnya.

Jelas, terdapat terlalu banyak kepincangan dalam pengalaman

pelaksanaan "hukum Islam" di seluruh dunia. Bukan sahaja hak mangsa dicabul dan ditindas, peristiwa-peristiwa ini hanya mengaibkan nama baik Islam di mata dunia.

Pada masa yang sama, hujah bahawa "bukan Muslim tidak terkesan" ternyata tidak boleh dipakai apabila ramai bukan Muslim yang dikenakan hukuman hudud, baik di negara-negara Arab ataupun di negara jiran kita, Indonesia. Pada awal tahun ini, seorang wanita warga emas yang beragama Kristian di Aceh telah dihukum sebat kerana menjual arak.

Bagaimanakah kita boleh menjamin hal ini tidak akan berlaku di negara kita apabila kuasa mahkamah syariah diperluas dan diperkasakan? Pada masa ini pun, kerap berlaku keputusan mahkamah syariah yang memudaratkan bukan Muslim, khususnya dalam isu hak penjagaan anak dan pewarisan.

Maqasid syariah

Saya ingin menegaskan bahawa tanggungjawab Muslim, apatah lagi yang bergelar pemimpin, adalah untuk menegakkan maqasid syariah, yakni matlamat utama syariah, serta melindungi agama daripada pengaiban.

Oleh itu, adalah wajar kita persoalan sama ada RUU yang bakal membolehkan pelaksanaan sebahagian besar daripada hukuman hudud di bawah e nakmen-enakmen jenayah syariah di Kelantan dan Terengganu itu benar-benar dapat memelihara nilai-nilai utama syariah, seperti keadilan, rahmat, kebijaksanaan dan kebaikan.

Apabila enakmen hudud di Kelantan dan Terengganu masih kuat dipertikaikan dan penuh dengan kelemahan, bagaimanakah syariat Islam boleh dilaksanakan dengan adil? Sekiranya berlaku ketidakadilan atau penindasan terhadap mana-mana golongan seperti kaum wanita, bukan Muslim atau minoriti Muslim seperti kaum Syiah, maka tidakkah Islam juga yang akan diaibkan?

Maka, apa gunanya menjadi pemimpin Islam sekiranya melaksanakan undang-undang yang tidak dapat memelihara dasar-dasar maqasid syariah?



BERGAMBAR kenangan bersama-sama dua pasukan yang berjaya memasuki pusingan akhir Pertandingan Debat ATC Alumni Champions Cup antara SM(P) Methodist Girls dan SMJK Heng Ee.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkoneyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiand@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fook ongkokfook@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/I Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Makhtar Hj. Shapee adunang.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunpitgpassir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktfengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungai-pinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan ajjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji rsnayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dapppg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhammad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhammad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayooob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Dahalan Fazil dalan6658@gmail.com	019 - 727 4388
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmba@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadil@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
NEGERI		FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STESAN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	PERSATUAN PERLINDUNGAN	04-829 4046
EPF	04-226 1000	KANAK-KANAK	
SOCISO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
			04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga : 010 - 542 9158	- Mohd. Zaki Ismail	N22 Tanjong : 012 - 465 0021	- Tina
N2 Bertam : 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	Bungah : 011 - 12441069	- Hezreen
N3 Pinang : 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4 Permatang : 019 - 556 4664	- R. M Reza	N24 Kebun : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5 Sungai Dua : 013 - 417 3068	- Siti Zunnurain Zulkafli	Bunga : 017 - 956 3237	- Quah
N6 Telok Air : 016 - 463 3866	- Malik Bakar	N25 Pulau Tikus : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N7 Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N26 Padang Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N8 Bagan : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N27 Pengkalan : 012 - 423 3227	- Benji Ang
N9 Bagan : 016 - 473 1963	- Gesan	Kota : 010 - 811 7300	- Razin
N10 Seberang : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N28 KOMTAR : 04 - 226 2464	- Kalvinder
N11 Permatang : 019 - 412 8442	- Kamal	N29 Datok : 04 - 282 6630	- Shuen
N12 Penanti : 04 - 538 2871	- Rosli	Keramat : 012 - 4730736	- Karuna
N13 Berapit : 016 - 401 3507	- Tira	N30 Sungai : 019 - 4474362	- Mahen James
N14 Machang : 012 - 474 0964	- Mr.Lim	Pinang : 012 - 5242549	- Anne
N15 Padang : 017 - 552 8928	- Yeoh Ee Yee	N31 Batu : 016 - 4730736	- Janet
N16 Perai : 04 - 399 6689	- Andrew Chin	Lancang : 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N17 Bukit : 013 - 518 8735	- Ikhwan	N32 Seri Delima : 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N18 Bukit Tambun : 016 - 404 9120	- Chan	N33 Air Itam : 016 - 480 0232	- Jalal
N19 Jawi : 017 - 408 4784	- Lai	N34 Paya : 016 - 487 8602	- Khairul
N20 Sungai : 019 - 552 8689	- Selvi	Terubong : 016 - 444 3550	- Sathya
N21 Sungai : 0111-508 0215	- Lim Tuan Chun	Batu Uban : 04 - 646 4700	- Aliiff / Shamsudin
Acheh	- G.Dumany	N35 Pantai : 019 - 498 1096	- Amirulzaman
	- Khor	Jerejak : 016 - 428 6158	- Danny Ho
	- Abdul Halim	Batu : 010 - 773 2395	- Firdaus
	- Mr. Khor	Maung : 016 - 407 2135	- Zulkiflee
	- Norjuliana	Bayan Lepas : 017 - 413 5695	- Ahmad
	- Hasbullah	Pulau : 017 - 413 5695	- Johan Abu Bakar
	- Siti Hajar Abdul Aziz	Betong	
		Telok Bahang	

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2016**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkipli Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 9091

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2016**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvinder a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012- 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019- 225 6502
Wong Yuae Harn	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Julai - Ogos 2016**



SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



AKSI Chow Kon Yeow (kiri sekali) menaiki sebuah basikal yang dipamerkan memperoleh perhatian Patahiyah Ismail (kanan sekali) dan Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang pada Hari Terbuka Pelan Transformasi Kerajaan Tempatan MBPP di sini baru-baru ini.

Persekutuan lebih perlukan transformasi, tangani 1MDB - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN - Isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dikaitkan dengan saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) kini sepatutnya memaksa Kerajaan Pusat sendiri melakukan transformasi di peringkat Persekutuan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian ketika merasmikan Hari Terbuka Pelan Transformasi Kerajaan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dekat Komtar, di sini.

"Jika transformasi peringkat Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat gagal, impaknya lebih besar daripada kegagalan transformasi peringkat 'Kerajaan Tempatan' (PBT)."

"Apa pula KPKT (Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) menganjurkan transformasi di peringkat PBT, sedangkan pada hari yang genting, transformasi ini amat diperlukan di peringkat Persekutuan, khususnya dalam menangani isu 1MDB ini."

"Apa yang perlu di

transformasikan adalah transformasi di peringkat Kerajaan Persekutuan, bagaimana menguruskan suatu isu yang memalukan penjawat awam dan rakyat jelata," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Pada majlis sama, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota turut merakamkan penghargaan kepada MBPP kerana menjadi PBT pertama negara yang menganjurkan hari terbuka tersebut, selepas disyorkan oleh KPKT.

Sebelum itu, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail memberitahu, Pelan Transformasi PBT mempunyai enam teras utama, iaitu Pembangunan Modal Insan, Kecekapan Perkhidmatan, Pengukuhan Kewangan, Kesejahteraan Rakyat, Penglibatan Rakyat dan Kemunikasi Berkesan.

"Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT ini merupakan salah satu langkah proaktif dalam usaha membentuk agensi-agensi berprestasi tinggi yang berupaya meningkatkan kecekapan dan kelangsungan penyampaian Perkhidmatan Awam kepada rakyat dan pelanggan.

Majlis konsultasi orang awam dengan pegawai-pegawai MBPP, pembukaan 18 gerai pameran membabitkan jabatan dalam PBT dan agensi persekutuan serta pertandingan mewarna kanak-kanak antara acara yang berlangsung seharian pada hari terbuka di sini.

UBB 'mendarat' di Esplanade

UNITED BUDDY BEARS di Explanade... Rakyat Pulau Pinang berpeluang menyaksikan dengan mata sendiri keunikan *United Buddy Bears* (UBB) yang bakal 'mendarat' di negeri ini pada tempoh 31 Ogos hingga 30 Oktober ini.

Bertujuan mempromosikan keamanan dan kesepaduan, sebanyak 148 UBB setinggi 2 meter dari seluruh dunia bakal ditempatkan di

Esplanade, George Town.

Serentak itu, satu peraduan mencipta UBB Pulau Pinang turut dibuka kepada umum bermula 27 Julai 2016 hingga 14 Ogos 2016. Reka bentuk yang berjaya memenangi pertandingan berkaitan bakal menyertai UBB lain merantau ke seluruh dunia.

Maklumat lanjut, sila layari www.ubbpenang.com/contest.php.



MODEL-model UBB.

Aspen Vision City bakal jadi sebahagian rakan metropolis negara - M. Murly

BUKIT TAMBUN - Nilai jualan hartanah fasa pertama dan kedua, lot kedai, pejabat serta kondominium dilengkapi perabot bagi projek *Aspen Vision City* ketika ini keseluruhannya mencecah RM950 juta, sungguhpun kerja-kerja menambun tanah seluas 245 ekar di sini baru siap 50 peratus.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap kerja-kerja pemajuan, khususnya pembinaan gedung IKEA pertama utara Semenanjung Malaysia dapat disegerakan pada tahun depan juga.

"IKEA yang akan dibuka pastinya (mendorong) orang ramai membanjiri (Pulau Pinang) pada tahun 2018 nanti," ujarnya ketika merasmikan Majlis Pembukaan Galeri Jualan *Aspen Vision City* di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk M. Murly.

ADUN Bukit Tambun merangkap Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo King, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) serta P. Kasthurirani (Ahli Parlimen Batu Kawan) turut sertai majlis itu.

Hadir sama, Pengerusi merangkap Pengarah Eksekutif Kumpulan Aspen serta (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidins dan Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud.

Tambah Guan Eng, *Colombia Asia Hospital* juga bersedia untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada penduduk utara Semenanjung Malaysia serta pelancong perubatan mulai tahun 2018, kerana projek itu telahpun mendapat kelulusan lesen berwajib daripada Kementerian Kesihatan.

Sebelum itu, Murly memberitahu, kerja-kerja menambun tanah sejak bulan Setember tahun lalu telah menelan kos kira-kira RM100 juta.

Selain beberapa projek pembangunan bercampur yang disebut oleh Guan Eng, Murly menyatakan bahawa sebuah hotel bertaraf empat bintang terdiri oleh 300 bilik turut akan dibina di sini.

"*Aspen Vision City* tidak lama lagi akan menjadi sebahagian rakan (bandar) metropolis Malaysia yang membawa cukup peluang pekerjaan, kunjungan pelancong, kemakmuran ekonomi dan para pelabur ke kawasan ini," ujar beliau.

Pekerja-pekerja kita yang juga orang tempatan adalah lebih rajin, gigih - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA - Langkah berani Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil alih keseluruhan kerja-kerja pembersihan mulai tahun 2013 sekaligus menyerlahkan sikap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hari ini yang mengutamakan kepentingan warganegara, berbanding buruh asing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu telahpun mewujudkan sejumlah 2,508 peluang pekerjaan baharu untuk warganegara, khususnya yang bermastautin di negeri ini.

"Pekerja-pekerja kita yang juga orang tempatan adalah lebih rajin, gigih dalam menjalankan tugas serta sanggup melakukan kerja-kerja pembersihan am dan kerja-kerja 3D (kotor, bahaya dan sukar)."

"Kita sanggup menanggung peningkatan kos sebanyak 43 peratus, asalkan rakyat Malaysia tinggal di Pulau Pinang boleh bekerja dan menyumbang tenaga untuk kita semua di Seberang Perai ini," ujarnya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Majlis 2016 & Hari Terbuka Pelan Induk Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif diiringi Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamad.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Seberang Jaya), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) serta Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat).

Menurut Guan Eng, amalan *outsource* dengan melantik kontraktor swasta yang dilaksanakan sebelum ini lazimnya begitu memberi peluang kepada buruh asing, kerana kos upah mereka adalah lebih murah.

"Keputusan (Kerajaan Negeri dan MPSP) melaksanakan sendiri kerja-kerja pembersihan menelan kos pengurusan yang lebih tinggi, iaitu berjumlah RM66.18 juta berbanding dengan *outsoure* (atau) pelantikan kontraktor berjumlah RM40.09 juta.

"Peningkatan kos sebanyak 43 peratus adalah sebanyak RM20.09 juta, (namun) Kerajaan Negeri telah membantu MPSP di peringkat permulaan sebanyak RM20.59 juta bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh MPSP," jelasnya.



KETUA Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenang-kenangan dengan para jemputan dan kakitangan MPSP selepas selesai acara pengucapan Majlis Sambutan Hari Majlis 2016 & Hari Terbuka Pelan Induk Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan di sini baru-baru ini.

Benarkah Prasarana bakal ambil alih perkhidmatan feri PP?

GEORGE TOWN - Perkhidmatan feri Pulau Pinang memerlukan suntikan kewangan bagi memberi nafas dengan membeli feri baru serta menambahkan kekerapan trip yang kini dilihat kian berkurangan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataannya bertarikh 2 Ogos lalu di sini.

Menurutnya, sejak 2008, kekerapan trip ulang-alik perkhidmatan telah dikurangkan daripada 109 sehari pada 2008 kepada hanya 60 sehari (2016).

"Kerajaan Negeri yakin perkhidmatan feri masih boleh diselamatkan dengan pengurusan yang profesional dan suntikan kewangan, sungguhpun ia mengalami kerugian sebanyak RM252 juta sejak 2002.

"Itulah sebabnya, Kerajaan Negeri sedia membeli semua aset feri dengan syarat tidak menanggung sebarang hutang atau liabiliti yang ditanggung, meresapi semua kakitangan, tetapi tidak diwajibkan menerima pengurusan tertinggi serta diberikan 30 lesen untuk feri/pengangkutan air baru.

"Namun, cadangan ini tidak berjaya kerana Kerajaan Negeri tidak diberikan kuasa dan kebebasan untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan feri tanpa campur tangan daripada SPPP (Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang). Kementerian Pengangkutan tetap mahu perkhidmatan feri terus kekal di bawah kuasa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa sudah sampai masanya kuasa pengawalan perkhidmatan feri tidak dipolitikan, sebaliknya dijalankan secara profesional.

"Malah, Kementerian Kewangan perlu jelaskan laporan pelbagai pihak bahawa Prasarana akan mengambilalih perkhidmatan feri Pulau Pinang, dan sekiranya benar bila ia akan dilakukan," soal beliau.

Jawapan bertulis Menteri Pengangkutan kepada pertanyaan Parlimen saya pada Mei 2016 adalah seperti di bawah:-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] SOALAN : 169

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah alasan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) mengurangkan jumlah operasi feri mulai 1 Januari 2016 dan tempoh masa operasi harian. Berapakah kekerapan

"trips" atau perjalanan oleh feri sehari sejak 2008. Apakah kerugian setiap tahun sejak ia mula operasi dan mengapakah bilangan feri tidak ditambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada Oktober 2015, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) pernah mengemukakan cadangan permohonan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) untuk mengubah jadual operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2016 bagi mengoptimalkan operasi perkhidmatan dan kos operasi. Walau bagaimanapun, SPPP telah mengarahkan PPSP supaya mengekalkan jadual perkhidmatan feri yang sedia ada demi menjaga kepentingan pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan feri Pulau Pinang tidak mempunyai jadual pelayaran yang tetap memandangkan feri hanya akan berlayar apabila ia penuh dengan muatan kenderaan. Jadual purata kekerapan trip ulang-alik operasi feri sejak 2008 adalah seperti berikut:

Tahun	Purata Trip (Ulang – Alik) Sehari
2008	109
2009	107
2010	93
2011	84
2012	70
2013	70
2014	70
2015	62
2016 (Januari – Mac)	60

Dari tahun 2002 hingga 2015, perkhidmatan feri Pulau Pinang tidak dapat ditambah kerana perkhidmatannya telah mengalami kerugian setiap tahun. Dalam tempoh ini, jumlah keseluruhan kerugian adalah sebanyak RM251.8 juta, dengan jumlah kerugian purata setiap tahun adalah sebanyak RM17.99 juta. Kerugian ini adalah disebabkan oleh pengurangan trafik pengguna khususnya segmen kenderaan selepas pembukaan Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1985 dan kos operasi feri yang semakin meningkat disebabkan kos penyelenggaraan serta harga bunker.

Segerakan projek pembesaran LTAPP, seru KM

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri meminta Pusat memulakan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dengan segera.

Gesaan tersebut dinyatakan dalam kenyataan akhbar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 4 Ogos lalu di sini.

Katanya, **Kerajaan Pusat diminta menyegerakan projek berkaitan dengan menaikkan kapasiti LTAPP kepada 10 juta penumpang setahun.**

"Ini kerana kapasiti maksima 6.5 juta penumpang sudah penuh sekarang, iaitu lima tahun lebih awal daripada tempoh yang dijangka pada tahun 2020.

"Mengikut jawapan bertulis Menteri Pengangkutan kepada pertanyaan saya di Parlimen pada Mei 2016, cadangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) daripada 6.5 (juta) kepada 10 juta penumpang setahun telahpun dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, dan kini dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, kini LTAPP adalah amat sesak sehingga ada yang menggelarkannya sebagai 'Pasar Malam Antarabangsa Pulau Pinang'.

"Belum ada cadangan penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), kecuali projek letak kereta pada tahun depan.

"Adalah difahamkan, satu bangunan lima tingkat letak kereta, sebanyak 3,300 tapak kereta akan dibina dalam dua fasa. Dijangka makan masa dua tahun setiap fasa, kos keseluruhan bangunan letak kereta lima tingkat ini adalah RM80 juta," ujarnya.

Menurut Guan Eng, **kegagalan membesarkan LTAPP bukan sahaja bakal menjelaskan aliran masuk pelancong luar negeri ke Pulau Pinang, malah juga akan memberi impak negatif kepada pendapatan Malaysia Airports Bhd. (MAB).**

"Ini kerana, Pulau Pinang adalah lapangan terbang yang paling membawa

keuntungan kepada MAB selepas KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) dan KLIA2 (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2).

"Oleh itu, adalah berkepentingan awam dan nasional agar projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) disegerakan," seru beliau.

Jawapan oleh YB Menteri Pengangkutan kepada soalan saya adalah seperti berikut:-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] SOALAN : 168

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah cadangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dilaksanakan serta berapa insiden bumbung jatuh dan bocor telah berlaku serta mangsa yang cedera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk mekluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Justeru, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dan kini masih dalam proses pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri .

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 insiden yang melibatkan kejatuhan siling bangunan dan dilaporkan seorang kakitangan KLAS telahh mengalami kecederaan. Walau bagaimanapun, mangsa tersebut telah diberikan rawatan yang sewajarnya dan kini telah pun bekerja semula.

Terokai sains & teknologi di *Penang Tech Dome*

Oleh : **AINUL W A R D A H SOHILLI**
Gambar : **ARKIB B U L E T I N M U T I A R A**

TERPEGUN...

Seolah-olah di dunia lain tatkala melangkah masuk ke Tingkat 5, Bangunan Dome Geodesic dekat Kompleks Tunku Abdul Razak (Korntar) baru-baru ini.

Penang Tech Dome (PTD), pusat penemuan sains dan teknologi interaktif bertaraf dunia merupakan ikon terbaru di Pulau Pinang.

Dirasmikan pada 16 Julai 2016 lalu, PTD mempunyai lebih 120 pameran interaktif sains dan teknologi yang menyeronokkan, sesuai untuk semua peringkat usia.

Projek yang menelan kos sebanyak RM28 juta itu adalah inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyemarakkan semula minat generasi muda di Malaysia amnya, terhadap pembelajaran sains dan teknologi.

Bersesuaian dengan moto '*Inspiring the Future*', PTD adalah pusat kecemerlangan dan penemuan bagi Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik (STEM).

Mempunyai keluasan tapak sehingga 40,000 kaki persegi PTD diinspirasi



PERMAINAN *Clip n' Climb*.

oleh *San Jose Tech Centre* di California, Amerika Syarikat.

BAHAGIAN-BAHAGIAN INTERAKTIF TECH DOME PENANG

Bahagian pertama di **ARAS 1** PTD dilengkapi dengan komponen pembelajaran ilusi optik yang membolehkan pengunjung mengalami sendiri pengalaman di sebalik pencerayaan berbeza optik mengikut persepsi masing-masing. Pengunjung juga boleh memahami unsur-unsur kimia dalam prinsip cekap tenaga di sini.

Seterusnya pengunjung akan dibawa ke bahagian kedua, iaitu bahagian daya dan pergerakan yang menerangkan secara interaktif tentang asas fizik seperti daya graviti, momentum, kinetik dan dinamik termasuk Hukum Newton, asas kejuruteraan yang diguna pakai sehingga ke hari ini.

Bahagian ketiga merupakan bahagian robotik. Di sini, pengunjung dapat mempelajari teknik pembuatan robot dan fungsi setiap komponen. Terdapat juga 'tangan' robotik atau *robotic arms* yang mengawal setiap pergerakan. Pengunjung juga berpeluang bermain bersama-sama robot dan memahami bagaimana robot berfikir, berasa dan bertindak.

Terdapat satu bahagian dikenali sebagai Teknologi Maklumat yang menerangkan secara interaktif dan khusus mengenai teknologi moden merangkumi peranti dan peralatan moden yang wujud pada hari ini seperti tablet dan telefon pintar. Di sini, pengunjung akan belajar bagaimana komponen elektronik seperti litar bersepadu dibuat dan bagaimana ia 'bersuara' antara satu

komponen dengan komponen yang lain dalam melengkapkan fungsi sesuatu peranti.

Di **ARAS 2** terdapat bahagian penerapan bioteknologi yang membawa pengunjung menelusuri peranan bioteknologi dalam kehidupan manusia secara hafiah. Di sini, pengunjung dapat mengendali sendiri mesin autopsi dan membuat pemeriksaan organ serta tisu mayat untuk menentukan keadaan patologi. Pengunjung turut dibekalkan dengan maklumat nutrien yang diperlukan tubuh manusia.

Aras sama, bahagian elektromagnetisme akan menceritakan kepada pengunjung kisah antara elektrik dan kemagnetan. Pengunjung turut dapat merasai pengalaman melalui aliran elektron termasuk tarikan dan tolakan magnet serta melihat sendiri medan magnet yang terbentuk dengan mata mereka sendiri.

Bahagian zon eksplorasi merupakan ruang khusus untuk kanak-kanak. Di zon ini, mereka dapat meneroka sambil bermain dan berfikir secara tidak langsung konsep asas pembelajaran sains. Sebuah perpustakaan mini kanak-kanak akan diwujudkan pada masa hadapan bagi menggalakkan kanak-kanak membaca buku-buku berkaitan sains dan teknologi.

TARIKAN UTAMA

Tarikan utama pastinya di Balai Cerapan yang akan dilengkapi dengan sebuah teleskop terbesar di Pulau Pinang dan bakal menjadi tempat tumpuan peminat-peminat astronomi. Di sini, pengunjung akan belajar tentang misteri bintang-bintang dan galaksi-galaksi di alam semesta.

Selain itu, pengunjung pasti tidak mahu melepaskan peluang mencabar kemampuan dan kebolehan diri dengan mencuba permainan seperti gelungsur gergasi dikenali sebagai *Gravity Drop*, *Clip n' Climb*, *G-Force*, *The Pirouette* dan *Pulley Seats* yang pastinya membuat jantung anda berdegup kencang.

PTD turut mencipta sejarah apabila menjadi pusat sains pertama di dunia yang memiliki dan mempamerkan Mesin Autopsi Digital kepada umum. Difahamkan, mesin serupa akan turut dipamerkan di London, England dan New York, Amerika Syarikat pada tahun hadapan.

Terdapat juga beberapa pameran berselirat (*maze*) yang memerlukan pengunjung mengemudikan laluan yang betul dari satu titik ke

titik yang lain.

HARGA TIKET & WAKTU OPERASI

Harga tiket bagi kemasukan ke Tech Dome Penang amatlah berpatutan termasuk harga istimewa untuk orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Berikut adalah harga tiket mengikut kategori:

Kategori	Dengan MyKad	Tanpa MyKad	OKU
Kanak-kanak (Bawah 5 tahun)	Percuma	Percuma	Percuma
Kanak-kanak (5 - 12 tahun)	RM12	RM24	RM6
Pelajar (bersama Kad Pelajar)	RM16	RM32	RM8
Dewasa (13 tahun dan ke atas)	RM20	RM40	RM10
Warga Emas (60 tahun dan ke atas)	RM12	RM24	RM6
Tiket Keluarga (2 dewasa bersama-sama 2 kanak-kanak)	RM55	RM110	-

PTD turut menawarkan Pas Tahunan berharga dari RM80 (bagi kanak-kanak 5-12 tahun), RM120 (bagi pelajar bersama Kad Pelajar) dan RM150 (dewasa).

Selain itu, potongan harga 10 peratus ditawarkan bagi kumpulan pelawat (10 orang dan ke atas).

Semua harga tiket adalah termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST) 6 peratus. Bagi pengunjung Bukan Warganegara dengan permit kerja yang sah dan/atau di bawah program *Malaysia My Second Home* (MM2H) juga layak menerima harga 'Dengan MyKad'.

Dibuka setiap hari kecuali hari Selasa (tidak termasuk Cuti Umum dan Cuti Sekolah) bermula jam 10 pagi sehingga 6 petang.

Maklumat lanjut, sila layari laman sesawang rasmi PTD di <http://www.techdomepenang.org/> atau emel ke info@techdomepenang.org atau hubungi talian 04-262 6663.



KUMPULAN anak-anak yatim dari Chemor, Perak bergambar kenangan bersempena sesi lawatan ke PTD baru-baru ini.



SEBAHAGIAN murid prasekolah *WhyteHouse Education Group* bersama-sama guru pengiring diberi taklimat mengenai fungsi Mesin Autopsi Digital.



GELUNGSUR gergasi, *Gravity Drop* antara tarikan utama PTD.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11585 LUQMAN NUL HAKIM BIN AZIZAN - 87022235**** NO. 71, JALAN MERBAU 2/6, TAMAN MERBAU 08600 TIKAM BATU, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11589 SITI AMINAH BINTI RAHIM - 89101907**** 8 LORONG PALA 2, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11590 KRISHNA A/L SOCKALINGAM - 86031135**** NO.7 LORONG KELISA EMAS 1, TAMAN KELISA MUTIARA 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam	: 11592 PRAVIN KUMAR A/L CHANDRASEGARAN - 91011607**** 319 KAMPUNG BENGKALI, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: MOHAMMAD FADZLAN BIN AZIZAN - 84091402**** F-1-10 TAMAN PERMATA FADASON, JINJANG UTARA 52100 KEPONG, KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: SALEH BIN RAHIM - 78042110**** 8 LORONG PALA 2, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: VEERAKUMARAN A/L SHANMUGAM - 75050307**** 20 LORONG 33, TAMAN GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: CHANDRASEGARAN A/L J SOOSAY - 53042207**** 319 KAMPUNG BENGKALI, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: NUR HAFIZAH BINTI AZIZAN - 81012702**** D/A RUMAH SEWA HAJI HASAN, JALAN PENGKALAN SUNGAI ITAU, MK AYER HANGAT 07000 LANGKAWI, KEDAH	Penjamin 2	: AZMI BIN JAMALUDIN - 57061409**** 16 LORONG ALMA JAYA 1, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SALIM BIN ABD RAHIM - 62122505**** PT 4137 JALAN TS 1/13, TAMAN SEMARAK, NILAI 71800 NEGERI SEMBILAN	Penjamin 2	: MOGAN A/L SUBRAMANIAM THEVAR - 86110935**** BLOK 1D-2-1 L/RAYA THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11595 DAARSHINI A/P RAJU - 92121607**** BLOCK 1-17-03, LINTANG LEMBAH PERMAI 4, 11200 TANJUNG BUNGA, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11600 SITI SARAH FARHANA BINTI HUZAIR - 91110602**** NO. 9 LORONG NALURI 1, TAMAN NALURI 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11602 NORSYAZLINA BINTI JENUWA - 88042103**** PT 2853 JLN SEMPADAN TOK SABOH, KG PACHAKAN SEMERAK 16700 PASIR PUTEH, KELANTAN	No Akaun Peminjam	: 11603 CHONG EAN JEE - 90041107**** 30, HALA NIBONG, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: RAJU A/L MAREEMUTTO - 57122707**** 1-17-03 LINTANG LEMBAH PERMAI 4, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	Penjamin 1	: OMAR BIN OTHMAN - 62051307**** B-31 JALAN SEJATI 3/1, TAMAN SEJATI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: JENUWA BIN HUSIN - 59091503**** PT 2853 JLN SEMPADAN TOK SABOH, KG PACHAKAN SEMERAK 16700 PASIR PUTEH, KELANTAN	Penjamin 1	: NEON KOOI KHIEM - 63102207**** NO.30 HALA NIBONG, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2	: RAJEEN A/L MAREEMUTTO - 65022107**** A-G-06 BLOK A, TAMAN SRI SETIA, LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	Penjamin 2	: WAN SU BINTI CHE MAT - 57121707**** NO.1069 BUKIT KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: MOHD ZAIDI BIN MOHD YUSOF - 82090803**** NO. 55 LORONG MEDAN MAJU, TAMAN ABDULLAH FAHIM 4, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: CHAN CHIN SWEE - 74021207**** NO.4 LORONG KENARI 6, DESA RIA, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11604 NUR IZZATI BINTI MALIK - 88050108**** 17 LORONG GUAR PERAHU INDAH 1, TAMAN GUAR PERAHU INDAH, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM,	No Akaun Peminjam	: 11607 NORFARHANA ZUHAILI BINTI MURAD - 83101607**** NO.69 JALAN BAYU 35, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 11610 ABDUL SYUKOR BIN OTHMAN - 84061407**** 845 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11613 SAMSUL BIN ALI - 84100807**** 2A-2-10 JALAN SUNGAI TIRAM 3, TAMAN TUNAS DAMAI, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: RAFIZAH BINTI MALIK - 80122107**** 29 JALAN KE8/1E, KOTA EMERALD WEST 48000 RAWANG, SELANGOR	Penjamin 1	: CHE EADY JEFRI BIN CHE YAHYA - 75110703**** NO.69 JALAN BAYU 35, BANDAR SERI ALAM, 81750 MASAI, JOHOR	Penjamin 1	: NOOR HAFIZAH BINTI OTHMAN - 72051607**** TBP 7006 MUKIM 13, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: MOHD ZOOL HILMI BIN BAHRI - 84072203**** 14 TKT. 2 LORONG JANGGUS JAYA 4, TAMAN JANGGUS 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2	: MUNIRAH BINTI MALIK - 83031607**** 6 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HJ MOHD AMIN, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: MOHD HILMI HIZAMI BIN MURAD - 86032638**** 29 (PTD 190376) JALAN CAMAR 5, TAMAN SCIENTEX, PASIR GUDANG 81700 JOHOR	Penjamin 2	: NORA SYIQIN BINTI OTHMAN - 77030807**** NO.845 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: NIK HASNI BINTI NIK HUSAIN - 84110707**** NO.10 LORONG BLM 3/18, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11621 NURUL FARAH IZANTI BT SHUKOR - 93082007**** NO. 649 MUKIM 19 , MENGKUANG SEMARAK, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11626 NURUL AIN BINTI MOHD SUKRI - 88012335**** 6560 KAMPUNG BARU, JALAN DATOK HJ AHMAD BADAWI, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11638 MUHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL MAJID - 88080707**** 785 LORONG 2/1A TAMAN SRI WANG, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11642 MOHD HAFIZI BIN KAMARUZZAMAN - 88090107**** NO 83, LORONG 8/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT
Penjamin 1	: SHUKOR BIN MOHD ALI - 70012307**** NO.649 MUKIM 19, MENGKUANG SEMARAK 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD SUKRI BIN HASSAN - 58080507**** NO.6560 KAMPUNG BARU, JALAN DATUK HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: MUHAMMAD AL-AMIN BIN ABDUL MAJID - 92012307**** 785 LORONG 2/1A, TAMAN SRI WANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: BADRULZAMAN BIN KAMARUZZAMAN - 78083003**** 83 LORONG 8/SSI, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2	: NORSHAFINA BINTI CHE SAID - 77042607**** 94 PERSIARAN KTC 4/5, KULIM TECHNO-CITY,KLM HTECH PK 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD ZULFADLI BIN MOHD SUKRI - 83110707**** A-G-08 TAMAN BAYU MUTIARA, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: FATIMAH BINTI MOHD ALI - 51053002**** 785 LORONG 2/1A, TAMAN SRI WANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: KARTINI BINTI KAMARUZZAMAN - 84081907**** 83 LORONG 8/SSI, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
No Akaun Peminjam	: 11643 MUHAMMAD AZRUL ANUAR BIN YAHYA - 89081207**** 1-6-15 DESA PINANG 2, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11648 NUR HAZIQAH BINTI ZULKIFLI - 92060307**** 1251 MK 9 KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11655 NOR FAIZUL BIN MOHD NOOR - 74022607**** NO.164 LORONG MERAWAN 5/3, TAMAN MERAWAN 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11656 NADIAH IDAYU BT MD JALALUDDIN - 88032107**** M-G-3 FLAT UDA FASA 4A, TANJUNG TOKONG 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUHAMMAD HAFIZ BIN YAHYA - 88050907**** 62-2-14 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAITON BINTI AMIR - 67050607**** 1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NORAMIZAN BINTI AB RASHID - 75032802**** NO.164 LORONG MERAWAN 5/3, TAMAN MERAWAN 09000 KULIM, KEDAH,	Penjamin 1	: LIYANA MASTURA BINTI MD JALALUDDIN - 83061807**** 10 JALAN 4/11G, SEKSYEN 4 TAMBAHAN 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR
Penjamin 2	: MOHD AZMI ADAM BIN HUSSAIN - 76020807**** 3-E BATU UBAN, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAHARAH BINTI AMIR - 64060207**** 1105E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JLN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOR IKHSAN BIN MOHD NOOR - 85032907**** NO.2381 SIMPANG TIGA 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: SAIRULDIN BIN IBRAHIM - 83060803**** 10 JALAN 4/11G, SEKSYEN 4 TAMBAHAN 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 11657 NUR IDNIRAH BINTI MOHD IDRIS - 84071507**** DISEBELAH KANAN 740 MK6, JALAN PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11659 SUKANYA A/P BASKARAN - 93080507**** 1-M, JALAN TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11660 SITI HAKIMAH BT SULIMAN - 91082707**** NO. 2242 MUKIM 13, TINGKAT SUNGAI GELUGOR 9, 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11662 SHAHRIZANI AZRAF BIN ABDUL SANI - 84090707**** 35 PERSIARAN CINTA SAYANG, KELAB CINTA SAYANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: NUR IDWANIS BINTI MOHD IDRIS - 83012807**** DISEBELAH KANAN 740, MUKIM 6, JALAN PONDOK UPEH,BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	Penjamin 1	: AMARAPATHY A/P ANGUSAMY - 68032407**** 1-M JALAN TUN MOHAMMED SALLEH ISMAEL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SULIMAN BIN SAHID - 58122708**** S-2A JALAN 2B1133, TMN SRI SENTOSA, JALAN KLANG LAMA 58200 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: SHAHRIL AZRAF BIN ABDUL SANI - 80051902**** 35 PERSIARAN CINTA SAYANG, KELAB CINTA SAYANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: MOHD IDWAN BIN MOHD IDRIS - 86031735**** DISEBELAH KANAN 740, MUKIM 6, JALAN PONDOK UPEH,BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	Penjamin 2	: BHAVAANI DEIVI A/P BASKARAN - 89030207**** 1-M JLN TUN MOHD SALLEH ISMAEL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AMIRUL AMIN BIN SULIMAN - 89081407**** NO. 2242 MUKIM 13, TINGKAT SUNGAI GELUGOR 9 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOOR AKMAL BIN NOORAIN - 70062007**** NO.2 LORONG BLM 3/17, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11665 SAIFOLNIZAM BIN HASHIM - 75042007**** DEKAT 318A MUKIM 6, PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11666 RIDZUAN BIN RAZIME - 91040807**** 6030 PERMATANG TOK GELAM 13100 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11668 HENG CHOON HOW - 80041508**** 90-8-3 LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11682 NUR SAFIRAH BINTI AHSANUDDIN - 90051407**** 665 MUKIM 8, KAMPUNG PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: SABARINA BINTI ABU BAKAR - 76050407**** G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR	Penjamin 1	: MAT ROSLI BIN MAT ISA - 75062202**** KAMPUNG PAYA TERENDAM 08210 SIK, KEDAH	Penjamin 1	: CHIAM PEI SHAN - 81021007**** NO. 42 LORONG TEMBAGA, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MARIAM BINTI MAD ISA - 72071102**** TS 5758 MUKIM 9, TANA H LIAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: HELMI BIN HASHIM - 85092407**** 318A MUKIM 6, PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD AZHAR BIN ZAM HASHARI - 76100614**** LOT 2988 KPG PAYA JARAS TENGAH, SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR	Penjamin 2	: YAP KWAI PING - 75111214**** NO. 26 GAT LEBUH ACHEH, 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOORHAM BIN SALAH - 72062902**** NO.1432 MUKIM 8, KAMPUNG PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
No Akaun Peminjam	: 11689 NURUL RAIHAN BINTI ISMAIL - 90060907**** NO. 24 LORONG AM 8, TAMAN AOR MESRA, TAIPING 34000 PERAK	No Akaun Peminjam	: 11690 NORSHILA BINTI RAMLEE - 85061307**** 578 SAMA GAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11694 MOHD AZLAN BIN MOHD YUSOFF - 85040107**** NO.1 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11698 RAZIF BIN ISMAIL - 89031907**** 103-3-5 KOMPLEKS PERUMAHAN POLIS, JALAN BUKIT KUKUS 11600 PAYA TERUBONG
Penjamin 1	: NASRUL IFZAN BIN ISMAIL - 83092302**** NO.24 LORONG AM 8, TAMAN AOR MESRA 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 1	: FAIRUL IZHAR BIN MOHD ALIAS - 81060903**** NO.578 SAMA GAGAH 13500 PERMATANG PAUH, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: JEMILAH BINTI MAT - 58090707**** NO.1 SOLOK NIPAH TIGA, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: ISMAIL BIN MUSA - RF/68*** 103-3-5 PERUMAHAN POLIS, JALAN BUKIT KUKUS, PAYA TERUBONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: NORHERLINA BINTI MAT ISA - 83060907**** NO.24 LORONG AM 8, TAMAN AOR MESRA 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 2	: NURHAYATI BINTI MOHD YUSOF - 79070308**** 317 LORONG BERINGIN 6, TAMAN BERINGIN 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: YUSOFF BIN MAT - 64050307**** TS 3674 PENANTI GATE, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: REDUAN BIN ISMAIL - 87112407**** 103-3-5 PERUMAHAN POLIS, JALAN BUKIT KUKUS, PAYA TERUBONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11699 ZUBAIDA NABILA BINTI JAMIL - 89020607**** 147, PERSIARAN MAYANG PASIR, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11702 SAKINAH BINTI YAHAYA - 90051907**** NO.629 MK21 GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11703 SIVAKUMAARAN A/L SUPRAMANIAM - 89040607**** BLK 3 -12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11710 SABURA BT KADERSAH MERICAR - 84032207**** NO 6, SOLOK SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD ASRI BIN MAT SANI - 72112507**** BLOK AQ-2-10 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: YAHAYA BIN ISMAIL - 60080209**** NO.629 MUKIM 21, GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: NAGAMAH A/P MUNIYANDY - 59020808**** 3-12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDUL WAHAB MERICAN BIN KADERSAH MERICAN - 90012807**** NO.6 SOLOK SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SHAMAS BIN SHARIFF - 72041307**** 2402F PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD NASIM BIN HUSSIN - 87100309**** NO.7829 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: PUNITHAMALAR A/P SUPRAMANIAM - 89031607**** 3-12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: FATIMAH BINTI KADERSAH MERICAR - 78090807**** NO.6 SOLOK SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG



PERADUAN MELUKIS POSKAD



TEMA

“Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari”

HADIAH UTAMA

Pertama: RM400

Kedua: RM200

Ketiga: RM100

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori: 1) Pelajar Sekolah, Kolej & IPT
2) Terbuka
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100 gram dan ke atas sahaja diterima.
7. Setiap set penyertaan perlu mempunyai 4 lukisan poskad bertemakan ‘Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari’.
8. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
9. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup penyertaan, **1 Oktober 2016**.

Kategori :

Sila isi butiran berikut:

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

No. Telefon : (Rumah) (Bimbit) :

Emel:

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 11711 SUBA A/P KUMAR - 92050209**** 8-07 PANGSAPURI UTAMA KTMB, LORONG PERAI UTAMA 7, 13600 TAMAN PERAI UTAMA, BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11713 MOHAMAD ZAINI BIN KHALIB - 86071835**** TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11714 AZMIZAM BIN AZMI - 93092607**** NO.6 LORONG ALMA JAYA 23, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11717 NURUL AZREEN BINTI JOHARI - 83091607**** 21-1-5 FLAT SRI ABADI, LINTANG SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KUMAR A/L SUBRAMANIAM - 62102007**** 8-07 PANGSAPURI UTAMA KTMB, LRG PERAI UTAMA 7, TAMAN PERAI UTAMA 13600 PERAI.	Penjamin 1 : LILIANA BINTI KHALIB - 90042307**** TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : AZMI BIN WANCHIK - RF/91**** 6 LORONG ALMA JAYA 23, TAMAN ALMA JAYA	Penjamin 1 : JOHARI BIN OTHMAN - 57033007**** NO.40 LORONG HJRAH 12, TAMAN HJRAH, 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : BASKER A/L SUBRAMANIAM - 63111607**** NO.17 LORONG SIAKAP 20, TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2 : HAMIDAH BINTI ABD KADIR - 61041108**** TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : JALAL BIN SABUDIN - RF/87**** B5-1-42 KUARTERS POLIS, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : WAN MOHD AZIM BIN WAN MANSOR - 81050303**** 21-1-5 FLAT SRI ABADI, LINTANG SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 11720 MUMTAZ BT SULTAN - 89051507**** 9-4-3, LENGKOK ANGSA, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11722 SITI KHAIRUNNISAK BINTI ABDULLAH - 85040502**** G-08-A PANGSAPURI DESA SRI JAYA, JALAN KELISA EMAS 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam : 11731 OOI CHOON CHIET - 90022307**** 32 JALAN FETTES, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11732 WONG CHUN WAI - 91121907**** 669-1 MK8, JALAN FETTES, TANJONG TOKONG 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MYDINBI BINTI NAINA MOHAMED - 63022507**** 9-4-2 LENGKOK ANGSA, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1 : NOOR RAFFATI ADYANI BINTI ABDULLAH - 78031302**** NO. 4 JALAN ELEKTRON U16/52A, DENAI ALAM,SEKSYEN U16, 40160 SHAHALAM, SELANGOR	Penjamin 1 : OOI CHONG BENG - 64090207**** NO.32 JALAN FETTES 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1 : HOE WEI CHIEN - 84010707**** 88-4-11 PUNCAK ERSKINE, BLOK A, 11200 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED NAZRI BIN MOHAMED IQBAL - 84120311**** 116-D JALAN CHABANG TIGA KIRI 20200 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU	Penjamin 2 : NOR SYAFAWATI OSNAMILA BINTI ABDULLAH - 82101102**** 16 JALAN 18/62, BANDAR MENJALARA, KEPONG 52200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2 : TEH SIEW SIEW - 64042407**** NO.9 TINGKAT 9, BLOK 123, 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2 : HOE WEI THENG - 89080107**** 669-1 PEPPER ESTATE, ROAD 8, 11200 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 11736 ANBBUSHELVI A/P SINNASAMY - 87100235**** 16 LORONG GEMELAN INDAH 5, TAMAN GEMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam : 11741 NANTHINI A/P SUNDRAGAESON - 83100607**** C-4-3A, RIA APARTMENT, JALAN KG BENGKALI 12000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 11742 TANUSHALINI A/P MOROTER - 87092607**** 78-6-15 CASA IMPIAN , JALAN OOI THIAM SIEW 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11749 NURUL AIN BINTI ABDULLAH - 88111835**** 9831 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : GANESON A/L SINNASAMY - 75040608**** NO.16 LORONG GEMELAN INDAH 5, TAMAN GEMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 1 : UTHAYA KUMAR A/L M THAYALAN - 83040908**** NO.20 SOUTH WARD, 31250 TANJUNG RAMBUTAN, PERAK	Penjamin 1 : GUNNASEGARAN A/L SUNDRAGASON - 60011708**** 18C-3-1 PERMATANG DAMAR LAUT, DESA WANGSA, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1 : NOR EZAINI BINTI ABDULLAH - 87050235**** NO. 9831 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : SUNTHARA MOORTHY A/L RENGASAMY - 70040707**** NO. 27 LORONG GEMELAN INDAH 9, TAMAN GEMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 2 : ESWARY A/P SUBRAMANIAM - 79072007**** NO.6463 JALAN KEBUN SIREH, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : MOROTER A/L SHAMMUGAM - 52041108**** BLOK 78-6-15 CASA IMPIAN, JALAN OOI THIAM SIEW 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 2 : TUN MOHD AZLAN BIN AZMI - 87112408**** NO. 9831 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam : 11596 MOHD HAZIQ AKMAL BIN ZULKUFLI - 91113007**** 198 KG TERSUSUN KLEBANG SELATAN, BATU 6, JALAN IPOH/CHEMOR 31200 IPOH, KEDAH	No Akaun Peminjam : 11675 KHAIRUL AZHAR BIN RAMLI - 80100907**** TBP 4297 MUKIM 5, BUKIT INDERA MUDA, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11675 KHAIRUL AZHAR BIN RAMLI - 80100907**** TBP 4297 MUKIM 5, BUKIT INDERA MUDA, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	
Penjamin 1 : ABDUL AZIZ BIN SHAMSUDDIN - 66020408**** NO. 229 (PPT78694), RPT BATU 10 (FASA II), KAMPUNG ULU CHEPOR, JALAN JELAPANG 31200 CHEMOR, PERAK	Penjamin 1 : SHAHRUL NIZAM BIN MOHD YUSOFF - 78101207**** 100 LORONG CASSIA TENGAH 20, TAMAN CRESENTIA, BANDAR CASSIA 14100 BATU KAWAN, SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1 : SHAHRUL NIZAM BIN MOHD YUSOFF - 78101207**** 100 LORONG CASSIA TENGAH 20, TAMAN CRESENTIA, BANDAR CASSIA 14100 BATU KAWAN, SIMPANG AMPAT, SPS	
Penjamin 2 : AHMAD KHIR MUZAMIL BIN MOKHTAR - 62090408**** 700B KEDIAMAN PENSYARAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS IPOH 31150 HULU KINTA, PERAK	Penjamin 2 : IZWAN SYAMIL BIN MD RIDHUAN - 88070735**** NO.728 LORONG KENARI 8/2A, TAMAN KENARI 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2 : IZWAN SYAMIL BIN MD RIDHUAN - 88070735**** NO.728 LORONG KENARI 8/2A, TAMAN KENARI 09000 KULIM, KEDAH	

P. Pinang terus terima pelaburan, kilang baru dibuka – KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

BAYAN LEPAS – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sungguhpun terdapat kilang-kilang ditutup ekoran penstrukturan semula, tetapi masih ada kilang baru yang dibuka di negeri ini.

Malah, jelasnya, Pulau Pinang masih kekurangan pekerja dengan kadar pengangguran sebanyak 1.5 peratus iaitu (kadar) terendah di Malaysia.

Menurut Guan Eng, antara pelaburan baru yang diterima bukan sahaja dalam sektor pembuatan elektrik dan elektronik (E&E), malah juga peralatan perubatan dan sektor LED (diod pemancar cahaya).

“Terbaru, projek kemudahan baru Hewlett Packard (HP) seluas 20 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan membabitkan pelaburan lebih RM1 bilion dengan kira-kira 300 kakitangan operasi.

“Broadcom (dahulunya dikenali sebagai Avago) juga giat membangunkan pusat logistik global barunya yang merupakan sebahagian daripada RM1 bilion pelaburan

baru mereka di Pulau Pinang.

“Manakala, peneraju global dalam industri peralatan perubatan, Boston Scientific yang telah memulakan pembinaan kilang dengan rancangan pelaburan sejumlah RM223 juta di lokasi sama.

“Tidak ketinggalan, sebuah syarikat terkenal dunia berteraskan perubatan, KLS Martin dengan nilai pelaburan sebanyak RM8 juta telah mula beroperasi di Juru termasuk kilang Osram Opto Semiconductor (RM15.5 juta) di BLIP Fasa 1 (sedang dibangunkan oleh PDC),” ucapnyanya pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta Exco-exco Kerajaan Negeri dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, pertumbuhan besar ditunjukkan Pulau Pinang dari segi pelaburan baru, perkhidmatan dan sokongan teknikal telah memacu sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS).

Malah, ujanrya, sebahagian besar aktiviti perniagaan yang dijalankan



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan PDC bergambar kenangan bersama tetamu istimewa dari Pusat Jagaan Kasih Abadi pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PDC 2016 di sini baru-baru ini.

termasuk dalam Perkongsian Perkhidmatan dan Penyumberaan Luar (SSO), Proses Perniagaan Khidmat Luaran (BPO) dan Penyumberaan Luar Teknologi Maklumat (KPO) turut berkembang pesat seiring dengan kehendak pasaran global.

“Berikutan penubuhan pusat perisian oleh Kerry Logistics di Cybercity Pulau Pinang, tiga buah syarikat lain juga sedang membuat persediaan untuk memulakan operasi GBS di hab BPO Prime (Bayan

Baru) yang secara tidak langsung menjana kira-kira 700 peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat.

“(Senario) ini termasuk perjanjian usahasama yang dijalinan PDC dengan pemain-pemain industri terkemuka global seperti Temasek dan *Economic Development Innovations Singapore* (EDIS) yang akan memberikan satu keyakinan untuk masa hadapan yang cerah buat Pulau Pinang,” ujar beliau.

Delegasi persidangan dirai jamuan buah-buahan tempatan



LEE Kah Choon (berdiri, berbaju perang) beramah-mesra dengan para jemputan pada majlis jamuan buah-buahan tempatan anjuran IP di sini baru-baru ini.

DIRAIKAN... Kira-kira 150 ahli-ahli korporat, pelabur dan ahli-ahli perniagaan berpotensi diraikan dalam majlis jamuan buah-buahan tempatan dekat Bayan Lepas baru-baru ini.

Datuk Lee Kah Choon berkata, inisiatif mengadakan jamuan tersebut adalah bagi meraikan delegasi terbabit termasuk memperkenalkan Raja Buah Pulau Pinang, durian.

“Kebiasaannya, selepas penganjuran sesuatu persidangan, para delegasi akan dibawa melawat ke tempat-tempat menarik, tapi kali ini, lari dari kebiasaan, kita (*investPenang*, iP) adakan jamuan

buah-buahan tempatan.

“Saya percaya melalui jamuan ini, para delegasi dapat meningkatkan rangkaian perniagaan dan saling berkomunikasi, bertukar-tukar pandangan,” katanya pada jamuan berkaitan sejurus selepas persidangan *4th Penang Shared Services Outsourcing Conference* di sini baru-baru ini.

Selain pelbagai jenis durian seperti *Musang King*, *Ang Hay*, *Hor Lor*, 604 dan Kulit Hijau, turut dihidangkan adalah menu makanan tempatan seperti laksa, pulut, buah-buahan kampung, buah-buahan bermusim dan beberapa jenis buah-buahan import.

Sokongan berterusan, P. Pinang berpeluang jadi pemain industri utama E&E – Kah Choon

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN LEPAS – Pulau Pinang berpeluang menjadi antara pemain industri utama elektrik dan elektronik (E&E) hasil sokongan berterusan kerajaan dan pengubahsuaian polisi lapuk agar seiringan dengan perkembangan teknologi terkini, kata Pengarah *investPenang* (iP), Datuk Lee Kah Choon.

Jelasnya, Pulau Pinang mungkin tidak mampu menyaingi prestasi negara China dan India sebagai pemain industri utama global, namun, penerimaan serta permintaan positif pasaran mampu melonjakkan keupayaannya.

Katanya, meskipun industri E&E telah bertapak di Pulau Pinang lebih dari 40 tahun, ia tetap menunjukkan pertumbuhan signifikan dari masa ke masa.

“Di bawah program transformasi ekonomi yang diaturkan oleh kerajaan termasuk penyediaan beberapa insentif, proses penstrukturan semula dan kelebihan daya saing logistik yang berintensifkan tenaga kerja mahir membuka peluang bagi Pulau Pinang untuk membangunkan industri E&E.

“Sekiranya sokongan secara berterusan diberikan, Pulau Pinang berpeluang menjadi

antara pemain industri utama E&E bukan sahaja di Malaysia, malah negara-negara serantau,” katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian pada sesi dialog ‘*Growing the Powered by Penang Brand*’ dekat *Penang Skills Development Centre* (PSDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sebagai ahli panel, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Inari Amerton Berhad, K.C. Lau, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Pentamaster Corporation Berhad, C.B. Chuah, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Vitrox Corporation Berhad, Chu Jenn Weng dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah QDOS Group of Companies, Whong Poh Choon.

Manakala, Kah Choon yang juga Penasihat Khas kepada Y.A.B. Ketua Menteri juga berperanan sebagai moderator penganjuran.

Sesi perkongsian dua hala yang berlangsung selama dua jam itu antara lain membincangkan senario teknologi di Pulau Pinang, penjenamaan semula melalui pembudayaan pemain industri, pendekatan yang diperlukan agar kekal kompetitif dan evolusi inovasi.

KN komited jadikan P. Pinang 'Negeri Hijau Unggul'

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

KEBUN BUNGA – Kerajaan Negeri komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan Pulau Pinang bukan sahaja Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, malah menjadi Negeri Hijau unggul di Malaysia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan memastikan segala transformasi di bawah Dasar Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat dapat mewujudkan suatu sistem yang lebih teratur, mampan dan maju, setanding dengan bandar-bandar antarabangsa maju di dunia.

“Saya percaya melalui pelbagai program di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Local Agenda 21 (LA21), kita (Kerajaan Negeri) akan menjayakan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca,” ucapnya pada Majlis Pelancaran Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca sempena Program Gotong-royong Membasmi Nyamuk Aedes dan Tikus di Blok 10, 12 dan 14, Lorong Batu Bukit 2 dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng; Ahli

Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Ladang Lada, Geoffrey Gan Lian Kung.

Turut serta, beberapa Ahli Majlis bagi MBPP dan kira-kira 150 penduduk setempat.

Tambah Guan Eng, beliau yakin Pulau Pinang bakal mengalami anjakan paradigma dalam pelaksanaan dasar berkaitan dan pembersihan awam.

“Dasar ini mampu mengurangkan sisa dilupus, kos perbelanjaan menguruskan sisa bagi industri kitar semula, memanjangkan hayat tapak pelupusan di Pulau Burung serta kos tipping fi.

“Masyarakat perlu tahu dan sedar bahawa amalan pengasingan sisa ini merupakan aspirasi Kerajaan Negeri ke arah menjadi antara bandaraya antarabangsa terbersih di dunia.

“Oleh itu, sama-samalah kita menjayakannya, malah, saya sendiri akan hadir ke setiap perasmian program ini di 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Pulau Pinang.



KETUA Menteri, Chow Kon Yeow (empat dari kanan), Zairil Khir Johari (tiga dari kiri) dan Cheah Kah Peng (tiga dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca sempena Program Gotong-royong Membasmi Nyamuk Aedes dan Tikus di sini baru-baru ini.

“Saya harap agar semua pihak mengambil inisiatif yang bersepadu dan strategik bagi memastikan dasar ini dapat dicapai dengan jayanya,” seru beliau.

Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca telah dilancarkan pada 1 Jun lalu

melibatkan semua struktur masyarakat dalam memastikan aspirasi Pulau Pinang ke arah sebuah negeri hijau bertaraf antarabangsa.

YDP alu-alukan penaja program pulihara sungai

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PADANG LALANG – Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap lebih banyak pertubuhan berkaitan alam sekitar serta sektor korporat berwajib tampil menaja program pemuliharaan sungai dan kolam, anjuran peringkat komuniti serta sekolah.

Setakat ini, katanya, syarikat SP Setia Foundation, Canon Electronics (M) Sdn. Bhd. dan beberapa pihak lain melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan memberi tajaan di bawah *cluster environmental care*.

Menurut Maimunah, program CSR yang turut mendapat kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dekat Tanjung Malim itu, sehingga

kini telahpun melontar sejumlah 19,300 bola selut (*mud balls*) ke dalam sungai dan kolam sekitar Seberang Perai.

“Projek ini telah kita (MPSP) mulakan pada tahun 2009 bagi memelihara dan memulihara sungai di Seberang Perai untuk generasi akan datang.

“Hasil pemerhatian, usaha yang dijalankan ini menunjukkan perubahan kualiti air sungai kawasan di Perai adalah bertambah baik, iaitu di belakang kilang *Uchi Electronics* menunjukkan impak positif dengan pengurangan bau busuk dipercayai akibat pencemaran,” katanya pada Majlis Perasmian Lontaran Bebola Tanah dan Pelepasan Benih Ikan di Kolam Teratai di sini

baru-baru ini.

Maimunah memberitahu, program pendidikan tersebut membabitkan 50 murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Tasek Permai, Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Feringgi dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Aik Hua.

Turut serta, Setiausaha Majlis MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Pengarah Urusan Canon Electronic Malaysia Sdn. Bhd., Koji Noborya dan Pensyarah UPSI, Dr. Che Zalina Zulkifli.

Sejak 2009, MPSP memberi sokongan terhadap aktiviti balingan bola selut di sungai-sungai dan kolam sekitar Seberang Perai demi mengurangkan risiko air tercemar.

Difahamkan, kira-kira 10,200 biji bola selut berjaya dilontarkan di Sungai Derhaka diikuti sungai sekitar Perai (6,800), Kolam Teratai (1,200) dan Juru Dam (1,100).

MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung perang) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) meneliti botol-botol berisi bebola selut yang dipegang sebahagian pelajar yang menyertai Majlis Perasmian Lontaran Bebola Tanah dan Pelepasan Benih Ikan di Kolam Teratai di sini baru-baru ini.



PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SESI 2016 / 2017

Permohonan boleh dibuat melalui *online* mulai 1 Jun 2016 hingga 30 Ogos 2016

<https://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Perseorangan
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-6506165/5391/5641/5659/5627
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil ■ Diploma ■ Ijazah Sains ■ Ijazah Sastera ■ Sarjana ■ PhD

SUKMA Sarawak, kontinjen negeri perbaiki pencapaian - Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

KUCHING - Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berkata, pihaknya berpuas hati dengan kejayaan Kontinjen Pulau Pinang mengutip 26 pingat emas dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak Ke-18, yang berlangsung dari 23 hingga 30 Julai lalu.

Menurutnya, kejayaan itu sekaligus memperbaiki rekod kedudukan kontinjen negeri berbanding kutipan 24 pingat emas yang dicapai ketika SUKMA 2014 di Perlis sebelum ini.

“Kita (Pulau Pinang) bukan sahaja mempertingkatkan pungutan pingat emas, bahkan kita (Pulau Pinang) berjaya memperbaiki kedudukan dari tangga ketujuh di Perlis ke tangga keenam pada temasya di Sarawak baru-baru ini.

“Sasaran realistik kita (Pulau Pinang) tetapkan sememangnya cuma 25 emas,

namun dalam meningkatkan motivasi atlet, kita (Pulau Pinang) letakkan 30 emas.

“Bagaimanapun, saya kira pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) masih boleh berbangga dengan pungutan 26 emas,” ujarnya ketika ditemubual pemberita dalam Majlis Penutup SUKMA Sarawak di Stadium Perpaduan Petra Jaya, Sarawak baru-baru ini.

Pun begitu, tambah Chong Eng, MSNPP selepas pulang ke Pulau Pinang wajar tidak ‘berdiam diri’, sebaliknya, terus merancang ‘blue print’ untuk menghadapi temasya SUKMA Ke-12 di Perak pada tahun 2018.

Kontinjen Negeri baru-baru ini mencatat jumlah keseluruhan 67 butir pingat, dengan 26 emas (10 acara), 12 perak (12 acara) dan 29 Gangsa (12 acara).

CHONG Eng (kanan) bergambar kenangan bersama atlet memanah Pulau Pinang, M. Kambheswaran yang berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam SUKMA Ke-18 di Sarawak baru-baru ini.



Contohi skuad karate, pemecah rekod memanah SUKMA

KUCHING - Penyumbang terbesar, skuad karate negeri dengan tujuh pingat emas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak baru-baru ini mendapat pujian Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng.

“Saya berbangga dengan pencapaian skuad karate pada SUKMA Sarawak kali ini...menyapu hampir semua emas dalam disiplin karate yang dipertandingkan

“Malah, saya juga berbangga dengan semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan kontinjen Pulau Pinang tidak kira dalam apa acara, sama ada menang atau pun kalah,” ujarnya pada Majlis Penutupan SUKMA Sarawak di Stadium Perpaduan Petra Jaya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Padang Lalang turut memuji pemanah negeri, M. Kambheswaran yang memecahkan rekod Kebangsaan dan rekod kejohanan bagi acara 30 Meter Komaun (Lelaki), dengan mengumpul markah penuh 360 mata.

Kambheswaran memecahkan rekod Kebangsaan dipegang oleh Khairul Fadli Jamaluddin pada SUKMA Sabah 2011, dengan pungutan 359 mata.

Malah, beliau (Kambheswaran) turut memenangi emas dalam acara Komaun 70 Meter (Lelaki) dan Perak bagi Komaun 90 Meter (Lelaki).

Mengulas lanjut, Chong Eng berharap barisan atlet bagi acara-acara lain mencontohi mereka yang berjaya membawa pulang pingat emas untuk Pulau Pinang.

SUKMA Ke-18 Sarawak 2016 yang berlangsung pada 23 hingga 31 Julai lalu menyaksikan skuad karate

menyumbang 12 pingat, iaitu tujuh emas, perak (1) dan gangsa (4).

Kontinjen Pulau Pinang mendapat 67 pingat keseluruhan pada kejohanan kali ini berbanding 75 pada musim sebelumnya di SUKMA Perlis.

Pingat-pingat emas bagi karate disumbangkan oleh Ivan Oh bagi Kategori Kata Individu Lelaki, S. Priyashankari Kumita (Kategori Bawah 45 Kilogram), Khaw Yee Voon (Kategori Kata Individu Wanita, Kata Berpasukan Lelaki dan Wanita), Chew Han Tiong (Kategori Kumite Lelaki bawah 85kg) dan Thor Sin De (Kategori Kumite Wanita bawah 68kg).

Sementara pingat perak disumbangkan oleh Levenesswaran menerusi Kumite Lelaki.

Pingat gangsa pula dimenangi oleh Wong Yie Hang, Sharventharan dan Ong Khang Tatt (Kategori Kumite

Lelaki) dan Ch’ng Xi Han (Kategori Kumite Wanita).

Skuad artistik dan wushu masing-masing membawa pulang tiga pingat emas, dua emas masing-masing dari

pasukan memanah, badminton, angkat berat, renang, akuatik; pencak silat.

Pelayaran, sepak takraw dan hoki masing-masing menyumbangkan satu emas.



SKUAD Karate Pulau Pinang gah dengan kemenangan tujuh pingat emas sekaligus muncul sebagai pasukan terbaik pada edisi SUKMA Sarawak Ke-18 baru-baru ini.



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG IKLAN JAWATAN

Pemohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Jurutera	J41	Tetap/Kontrak
2.	Pegawai Tadbir	N41	Tetap/Kontrak
3.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	Tetap/Kontrak
4.	Jururawat Masyarakat	U19	Tetap/Kontrak
5.	Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N19/N29	Tetap/Kontrak
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Tetap/Kontrak
7.	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	Tetap/Kontrak
8.	Pembantu Kesihatan Awam	U19	Tetap/Kontrak
9.	Pembantu Kemahiran	H19	Tetap/Kontrak
10.	Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar	G19/G29	Tetap/Kontrak
11.	Penghantar Notis	N11	Tetap/Kontrak
12.	Pembantu Awam	H11	Tetap/Kontrak

CARA MEMOHON : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian ('on-line') menerusi portal rasmi <http://www.mbpp.gov.my> atau <http://eperjawatan.mbpp.gov.my> mulai **6 Ogos 2016**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **19 OGOS 2016**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi Bahagian Pengurusan Modal Insan di talian berikut:-

04-2592115 / 2311 / 2245

Ammar terokai bidang pertanian rancang perluas tanaman & pasaran

Oleh : **YAP LEE YING**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BARU berusia 24 tahun, namun demi minatnya terhadap bidang pertanian, Ammar sanggup meninggalkan kerjaya dalam bidang elektrik di Batu Gajah, Johor untuk pulang berbakti kepada tanah.

Keputusan beliau kira-kira dua tahun lalu itu pada mulanya mendapat bantahan daripada ibu, adik-beradik dan sepupunya kecuali ayahnya yang memberi sokongan 100 peratus.

"Mereka bantah sebab tak yakin saya boleh buat. Ayah sokong 100 peratus.

"Saya memang minat dan memang rasa boleh buat. Hingga kini, saya tidak pernah menyesal memilih haluan kerjaya ini.

"Malah, kalau diberi peluang dan sebidang tanah lagi, saya memang nak buat," katanya kepada Buletin Mutiara pada sesi temubual yang dijalankan di kebun jagungnya di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

Ammar atau nama sebenarnya, Ammar Hassan kini mengusahakan tanah seluas dua ekar setengah yang terletak berhadapan dengan kediamannya di sini.

Tanaman utama yang diusahakan adalah jagung kerana baginya pasaran jagung adalah luas, malah tidak mencukupi.

"Selain jual kepada peraih, saya juga jual sendiri jagung-jagung ini di pasar malam atau gerai tepi jalan yang terletak di perkarangan luar pagar kebun.



AMMAR Hassan.

"Jika tiba musim atau ada yang nampak jagung masak, mereka akan berhenti *walk in* ke kawasan kebun untuk beli.

"Malah, sekiranya jualan jagung diadakan di gerai tepi jalan (perkarangan luar pagar kebun), jalan di sini akan *jam*, pelanggan akan beratur berderet untuk beli 'Jagung Manis Kampung Selamat' saya," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Ammar yang kini dalam usaha untuk mempelbagaikan jenis tanaman tidak menafikan bahawa keputusannya untuk bergelar petani turut diperli rakan-rakan sebaya.

"Mereka perli yang kerja petani adalah kerja yang kotor dan terpaksa berjemur tengah panas.

"Ada bermacam-macam jenis kawan,



MEMERIKSA tanaman jagungnya



RUPA bentuk 'Jagung Manis Kampung Selamat' yang masih memerlukan tempoh kira-kira seminggu untuk matang sepenuhnya.



LADANG jagung Ammar yang terletak di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, SPU.

yang faham *ok*, malah ada kawan-kawan saya yang jadi penternak dan petani juga," jawabnya sambil menyatakan bahawa golongan muda-mudi kini tidak nampak potensi sebenar bidang pertanian.

"Cabang dalam bidang pertanian, kalau faham boleh buat sebab macam-macam yang boleh diterokai.

"Orang muda yang minat dalam bidang pertanian, ada tanah sendiri, buat sendiri pasti akan membuahkan hasil," seru beliau.

Mengakui salah satu keseronokan dalam bidang pertanian adalah apabila melihat benih-benih semaian mulai bercambah dan kemudian membuahkan hasil, Ammar memberitahu, cabaran dalam penanaman jagung adalah cuaca.

Pada awal bulan Mei lalu, berlaku kejadian hujan dan ribut kencang.

"Dari jendela rumah, saya ternampak semua pokok jagung saya tumbang. Sedih!

"Bergegas saya berkejar ke kebun dan pada hari itu, saya bertungkus-lumus menaikkan semula pokok-pokok jagung yang tumbang... sedih, sebab ada yang memang tidak dapat 'diselamatkan'," jelasnya sambil menyatakan bahawa tempoh matang bagi tanaman jagung adalah 70 hari.

Bagi perancangan masa depan, Ammar menyatakan bahawa beliau ingin meluaskan lagi kawasan tanaman dan pasaran sedia ada kini.

"Saya rancang nak tanam cili,

kini dalam proses belajar sebab ia cerewet sikit," katanya sambil memandang ke arah ayahnya, Hassan Omar, 62.

Hassan yang ketika itu asyik memotong nangka sebagai juadah kepada para tetamu tidak menafikan bahawa beliau gembira dan menyokong penuh hasrat anaknya untuk bergiat dalam bidang pertanian.

"Bila dia (Ammar) kata nak berhenti dan balik (untuk bergiat dalam bidang pertanian), saya sokong, gembira.

"Pertanian kalau buat betul-betul, memang lumayan. Tapi kena kerja macam makan gaji," ujarinya yang sebelum ini mengerjakan tanah berkaitan berseorangan sebelum diambil alih oleh Ammar.

Sebelum mengakhiri sesi temubual tersebut, penulis meminta Ammar untuk membawa Skwad Jalan-jalan Buletin Mutiara melawat kebunnya.

Pada kesempatan tersebut, penulis menyatakan hasrat untuk membeli jagung manis beliau.

Namun, dengan 'tegas' Ammar memberitahu yang jagungnya belum cukup matang.

"Kena datang beli minggu depan, sebab bagi saya kualiti memang penting, saya tidak akan jual walaupun sebiji jika jagung belum cukup matang kerana bukan sahaja warna ia kurang keemasan, rasanya juga lain," senyumnya sambil menjemput kami untuk mengadakan lawatan kedua.

INFO:
013 - 449 7697

Penemuan arkeologi di Sia Boey

Oleh: **DR. ANG MING CHEE**
Pengurus Besar
George Town World
Heritage
Incorporated
angmingchee@gtwhi.com.my

ARKEOLOGI ialah kajian masa lampau manusia melalui kaedah ekskavasi, dokumentasi dan pemetaan yang sistematik dan saintifik. Secara umumnya, lapisan yang lebih dalam mencerminkan tempoh budaya yang lebih lama.

Data berada di dalam tanah, apabila ia terdedah ia perlu direkod secepat mungkin atau data akan dikompromi. Oleh itu, beberapa negara telah merangkumkan kajian arkeologi sebagai salah satu komponen dalam Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*).

Pihak pengurusan Sia Boey/ KOMTAR Fasa V menunjukkan mereka peka terhadap warisan budaya—apabila struktur bawah tanah ditemukan semasa kerja pembinaan, mereka telah memanggil mesyuarat dan kemudian membawa masuk Pusat Penyelidikan Arkeologi Global dari Universiti Sains Malaysia untuk melaksanakan kerja penyiasatan arkeologi peringkat awal.

Siasatan telah mengenal pasti kunci terusan dan beberapa

struktur granit yang belum direkodkan dalam peta sejarah. Penemuan tersebut telah membawa kepada projek kolaborasi arkeologi selama enam bulan.

Ekskavasi itu juga mendedahkan struktur granit yang mungkin adalah dinding terusan. Kini struktur yang telah ditemukan adalah sekitar 20 meter panjang dengan ketinggian 1.7 meter. Sisi luar struktur adalah agak licin di bandingkan dengan sebelah dalam, yang menunjukkan penglibatan tekanan kuasa hidraulik. Artifak lain yang ditemukan termasuk objek logam, kepingan seramik dan tulang haiwan.

Penemuan paling utama ekskavasi sehingga kini, adalah penemuan tiang kayu di bawah dinding terusan. Penemuan ini bukan sahaja memberi penerangan untuk kejuruteraan lampau di kawasan tanah lembap, tetapi juga merupakan penemuan yang pertama di Malaysia.

Sampel penemuan telah dihantar untuk ujian makmal bagi mengesahkan lagi usia tapak ini. Secara umumnya, "*Optically Stimulated Luminescence*" adalah kaedah untuk penentuan usia bagi objek bukan organik seperti batu-bata dan batuan, manakala teknik penentuan usia melalui radiokarbon (*radiocarbon dating*) digunakan untuk ujian



PENGURUS Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar (depan) ketika mengetuai Panel Ulasan Teknikal dan pasukan kajian tapak.



STRUKTUR bulatan ditemui dipercayai pada bekas tapak balai polis.



SERAMIK merupakan antara artifak yang ditemui.



TINGGALAN haiwan yang ditemui.



SEBAHAGIAN dinding terusan lama yang digali.

penentuan usia objek organik.

Penemuan arkeologi di Sia Boey adalah sangat signifikan dalam banyak aspek. Data yang diperolehi memberikan kita pemahaman yang lebih baik bukan sahaja dari segi pembangunan awal George Town, tetapi juga kaedah kejuruteraan purba, serta persekitaran geologi purba dan sebagainya.

Sementara kerja ekskavasi ini masih dijalankan, mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai projek ini boleh melayari <https://prangincanal.wordpress.com/blog/> untuk maklumat lanjut.

Malah, jika anda memiliki gambar foto lama atau maklumat lain berkenaan dengan Pasar Sia Boey dan sekitarnya, sila berhubung dengan **George Town World Heritage Incorporated**. Kita memerlukan lebih banyak bukti dan maklumat untuk membantu pasukan memahami persekitaran tapak dan perubahan-perubahan melalui masa.

Reka bentuk Kompleks Pasar Teluk Kumbar, cipta suasana baharu pasar moden - Mohd. Fakhri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Reka bentuk unik dan pengaturcaraan bermodul membawa tuah kepada SAM Arkitek Perunding apabila memenangi tempat pertama Pertandingan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan bagi cadangan pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar, Bayan Lepas baru-baru ini.

Konsep reka bentuk unik bercirikan moden itu dilihat bakal menjadi mercu tanda bandar Teluk Kumbar yang terletak di daerah Barat Daya dan pusat komuniti penduduk tempatan.

Selain mengekalkan reka bentuk sejagat dan hijau, tumpuan utama kompleks pasar tersebut pastinya tertumpu kepada pembahagian zon merangkumi zon basah, zon separa basah atau kering dan zon komuniti yang dikenali sebagai 'The Street'.

Malah, ciri-ciri yang terbahagi mengikut fungsi diterapkan dalam reka bentuk menambat hati para juri sekaligus menewaskan 26 firma kejuruteraan awam tempatan lain yang turut bertanding.

Arkitek Kanan SAM Arkitek

Perunding, Mohd. Fakhri Abdul Rahman berkata, reka bentuk kompleks pasar tersebut diilhamkan melalui beberapa ciri pasar yang terdapat di Pulau Pinang.

"Idea asal adalah untuk mencipta suasana baharu dalam pembinaan kompleks pasar moden dan bukannya kekal sebagai pasar tradisi yang berbau dan digenangi air dengan mengambil kira beberapa aspek lain seperti segmen tadahan hujan, segmen kemudahan awam dan lain-lain segmen yang moden dan praktikal," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan Cadangan Pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

SAM Arkitek Perunding berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM35,000 serta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Pemenang dinilai oleh beberapa juri profesional, antaranya, Pengarah ArchiCentre Sdn. Bhd., Ar. Dr. Tan Loke Mun, Panel Akreditasi GBI (*Green Building Index*), Ar. Von Kok Leong, Pengarah Hijjas



MOHD. Fakhri Abdul Rahman (kiri sekali) menerangkan konsep rekaan pasar rekaan pasukannya yang dinobatkan sebagai pemenang kepada Ketua Menteri dan barisan tetamu kehormat Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan Cadangan Pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Kasturi Associates Sdn. Bhd., Ar. Serina Hijjas, Pengarah Kawalan Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang serta dua Ahli Majlis MBPP, Felix Ooi Keat Hin dan Ong Ah Teong.

Pertandingan yang diadakan dengan kerjasama MBPP dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) Cawangan Utara tersebut bertujuan mendapatkan pelbagai konsep reka bentuk daripada perunding kejuruteraan awam berpengalaman bagi menghasilkan kompleks pasar moden serta lestari.

Loke Mun yang juga Ketua Juri ketika mengulas tentang pemilihan lima penyertaan terbaik turut memuji usaha yang dijalankan oleh pihak MBPP dan Kerajaan Negeri.

Ujarnya, beliau sendiri kagum dengan kesungguhan pimpinan Kerajaan Negeri kini dalam menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai 'Better Penang'.

"Sebelum inipun, saya turut dijemput oleh MBPP bagi projek penaiktarafan projek di Rifle Range beberapa tahun lalu," ujarnya

yang memuji kepimpinan Datuk Bandar MBPP, Datuk Patahiyah Ismail.

Dicadangkan di atas tanah Lot. 908, Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar dengan keluasan 4.371 ekar, setiap penyertaan mestilah menerapkan ciri-ciri bersih, tidak berbau, GBI dan reka bentuk sejagat.

Berikut adalah senarai lima pemenang yang disenarai pendek:

- Tempat Pertama: SAM Arkitek Perunding – RM35,000 beserta sijil penghargaan
- Tempat Kedua: Architect Yee Loon – RM25,000 beserta sijil penghargaan
- Tempat Ketiga: Johnny Ooi Architect – RM15,000 beserta sijil penghargaan
- Hadiah Kecemerlangan: Archimatrix Sdn. Bhd. – RM5,000 beserta sijil penghargaan
- Hadiah Kecemerlangan: SM Ooi Archirect – RM5,000 beserta sijil penghargaan



Anugerah Kitar Semula Tadika lentur pemikiran generasi baru

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) percaya Anugerah Kitar Semula Tadika-Tadika yang dianjurkan saban tahun mampu melentur pemikiran baharu generasi akan datang.

Yang di-Pertuanya, Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian pada Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika 2016/2017 dan Penyampaian Hadiah Anugerah Kitar Semula Bagi Tahun 2015.

"Penglibatan sekolah tadika dalam memupuk kesedaran terhadap kitar semula adalah merupakan satu langkah yang penting kerana peringkat tadika merupakan pendidikan awal yang akan melentur pemikiran dan adab sesebuah generasi.

"Generasi muda ini, dalam tempoh 20 tahun yang mendatang, merekalah

yang akan menjadi pengganti kepada pemimpin hari ini," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha MPSP Sr. Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dan Ooi Chao Syhhuan (*District Governor 2014-15, Lion Club International District 308 b2 Malaysia*).

Maimunah memberitahu, sejak anugerah itu dianjurkan pada 2014, ia menerima penyertaan 46 tadika dan bilangan penyertaan meningkat kepada 54 buah (tadika) tahun berikutnya.

Mengulas lanjut, beliau berharap penyertaan tadika terus meningkat pada penganjuran kali ini yang masih dibuka sejak Julai lepas sehingga 31 Mei tahun hadapan.

"Hadiah-hadiah yang disediakan untuk anugerah kali ini adalah 20 hadiah cemerlang bernilai RM200 setiap sekolah serta 20 hadiah saguhati bernilai RM100 setiap sekolah," jelasnya.

Senarai pemenang dan beratan kitar semula yang berjaya dikumpul adalah seperti berikut:

Bil	Tadika	Beratan Barangan kitar semula yang dikumpul (kg)
1	TADIKA NIBONG TEBAL	425 kg
2	TADIKA MENARA GADING	402 kg
3	TADIKA PERPADUAN SRI RAMBAI 2&3	342 kg
4	TADIKA PERPADUAN B GARDEN	329 kg
5	TADIKA PERPADUAN BERAPIT	301 kg
6	TADIKA SJKC TRUE LIGHT	343 kg
7	TABIKA PERPADUAN SG RAMBAI / DESA WAWASAN	310 kg

Bil	Tadika	Beratan Barangan kitar semula yang dikumpul (kg)
1	TADIKA PERPADUAN SRI RAMBAI 4	202 kg

‘Saya Bukan Pengotor’, mesej kempen kebersihan MPSP

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

PERAI - Dua Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengedar baju-t percuma tertera mesej ‘Saya Bukan Pengotor’ kepada penduduk flat Taman Teluk Indah yang menyertai acara gotong-royong di sini baru-baru ini.

Mereka berkaitan, P. David Marshal dan M. Satees menyatakan keyakinan masing-masing bahawa kempen radikal sebegini mampu mengubah sikap dan cara berfikir penduduk di kawasan yang dikenali sebagai flat terkotor, dalam senarai tinjauan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru ini.

“Pemasangan papan tanda kempen kita, menyamakan mereka yang membuang sisa di tapak sampah haram dengan karikatur monyet sebelum ini pun dianggap radikal.

“Tetapi, kempen radikal itu akhirnya mendapat maklum balas positif daripada penduduk setempat kerana berjaya menimbulkan kesedaran komuniti dan menyelesaikan masalah tapak sampah haram yang terbabit.

“(Taman Teluk Indah) ini kawasan penempatan swasta, dan kita (MPSP) datang bantu menganjurkan gotong-royong dan kempen kebersihan, selepas mendapat kebenaran daripada JMB (Jawatankuasa Pengurusan Bersama).

“Kempen saya senang saja, kita bagi perkataan menghina kepada pengotor yang tidak bertanggungjawab, supaya penduduk



LENGKAP memakai baju-t percuma yang tertera mesej ‘Saya Bukan Pengotor’, beginilah suasana gotong-royong penduduk setempat Taman Teluk Indah di sini baru-baru ini.

setempat yang bertanggungjawab boleh bersama menjayakan kempen kebersihan di flat ini,” jelas David Marshal kepada pemberita baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi JMB Blok E1 & E2 Taman Teluk Indah, K. Sivakumar serta beberapa pegawai dari Pejabat Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai merangkap Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Selain membersihkan kawasan lapang, parit longkang dan kaki lima bawah bagi kedua-dua blok flat 21 tingkat itu, kedua-dua ahli majlis berkenaan turut menyempurnakan acara pengindahan kawasan dengan menanam beberapa pokok teduh di sini.

Ketika kedua-dua ahli majlis berkenaan

membawa wartawan meninjau sendiri bahagian dalam yang telahpun dicuci di sini, kelihatan sebungkus sisa pepejal dibuang dari tingkat atas flat itu.

Mengulas lanjut, David Marshal memberitahu, MPSP akan mengadakan suatu mesyuarat pada minggu hadapan, dengan menjemput JMB, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat, wakil pejabat Ramasamy, wakil Pesuruhjaya Bangunan MPSP hatta polis sendiri untuk mencari solusi secara bersepadu dalam isu berbangkit ini.

Tambah beliau, mesyuarat itu juga akan berbincang mengenai soal penguatkuasaan berwajib masing-masing, dalam pelaksanaan Akta Pengurusan Strata 2013, yang mula

dikuatkuasakan pada 12 Jun lalu, selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Katanya, Akta 757 itu membolehkan kedua-dua tuan tanah serta penyewa untuk dibawa ke mahkamah, berbanding akta lama yang membenarkan tindakan ke atas tuan tanah sahaja.

“Yang dibuang dari (tingkat) atas flat ini bukan sahaja bungkusan lampin pakai buang terpakai, malah peti sejuk rosak, tilam besar dan (rangka) katil juga.

“Sementara menunggu rancangan pemasangan CCTV, kita akan membuat risikan dan berusaha merakam pengotor yang tidak bertanggungjawab ini.

“Jika ada rakaman, saya sendiri berjanji untuk membuat aduan polis, bahawa mereka terbabit ini melakukan cubaan membunuh pengunjung setempat yang berada di bahagian bawah flat ini, sungguhpun perbuatan pengotor yang tidak bertanggungjawab ini hanya membuang sampah seberat 10 kilogram atau lebih dari bahagian atas flat di sini.

“Saya juga akan berbincang dengan pihak surau dan masjid serta kuil berdekatan, supaya elemen kebersihan ini turut diterapkan dalam ceramah-ceramah keagamaan kepada penduduk setempat di sini,” ujar beliau.

Seramai 48 penduduk setempat berdaftar menyertai acara gotong-royong tersebut, selain dibantu 20 Pekerja Am MPSP serta pekerja kontrak JMB (5).

Semak latar belakang pemohon, elak tunggakan hutang – Ahli Majlis

GEORGE TOWN - Mulai Ogos 2016, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mendapatkan khidmat sebuah agensi rujukan kredit, bagi menyemak latar belakang kredit syarikat, perniagaan dan individu yang membuat permohonan terhadap harta sewaan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Ahli Majlis MBPP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, Joseph Ng Soon Siang berkata, inisiatif tersebut merupakan pendekatan tambahan baru yang digunakan Majlis bagi mengesan, membuat semakan dan mengakses maklumat pemohon sebelum permohonan diluluskan.

“Majlis kini mengambil langkah lebih proaktif dengan mendapatkan khidmat agensi rujukan kredit.

“Dengan menggunakan pilot sistem ini, MBPP boleh menyemak sekiranya pemohon mempunyai rekod buruk atau pernah disenarai hitam sebelum ini.

“Selepas itu, baru kita (Majlis) buat penilaian dan keputusan sama ada layak atau sebaliknya. Proses yang komprehensif ini akan mengelakkan MBPP daripada menghadapi masalah tunggakan hutang di masa hadapan,” katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Syarikat dilantik adalah sebuah agensi berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang dikendalikan secara profesional dalam menyediakan perkhidmatan maklumat kredit di seluruh Malaysia.

Menurut Soon Siang, proses semakan daripada agensi rujukan kredit seumpamanya turut digunakan oleh semua bank dan institusi kewangan di negara ini.

“Ini adalah cara bagi mengetahui keupayaan seseorang pemohon untuk membuat pembayaran melalui latar belakang kredit terdahulu mereka,” jelas beliau.



JOSEPH Ng Soon Siang (berdiri) ketika membacakan pengesahan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan pada Mesyuarat Biasa MBPP baru-baru ini di sini.

ADUN, swasta ganding bahu bantu golongan memerlukan



SOON Lip Chee (kanan sekali) menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada salah seorang penerima Majlis Prihatin Kebajikan Rakyat KADUN Jawi di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ADUN**

JAWI - Seramai 100 penerima dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi terpilih menerima bantuan barangan keperluan harian berdasarkan konsep 'kontrak' tahunan bermula Jun 2016 sehingga Jun 2017.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, melalui pendekatan yang memperoleh kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta tersebut, Pusat Khidmat ADUN Jawi akan mengemaskini data penerima serta menilai sama ada 'kontrak' akan diteruskan atau diberikan kepada keluarga lain yang memerlukan selepas tempoh setahun.

"Program ini dijalankan Pusat Khidmat ADUN Jawi bersama-sama pertubuhan NGO, Persatuan Kebajikan Sheng Xian Malaysia dan dua pengilang tempatan, Nitron Industries Limited serta NationGate Solution (M) Sdn. Bhd..

"Diharapkan, kerjasama dicapai antara semua pihak ini akan dapat membantu golongan memerlukan menikmati kehidupan lebih baik sekaligus meringankan beban ditanggung," katanya pada Majlis Prihatin Kebajikan Rakyat KADUN Jawi dekat Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sanglang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Heng Yeh Shiuan dan wakil-wakil swasta dan NGO terlibat.



BENGKEL DEMOKRAT MUDA
Demokrasi, Aktivisme & Governan

Anjuran: PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG (PYDC)

Program ini **PERCUMA**, Deposit RM50 (akan dikembali)

Sila layari: [facebook.com/pydc.my](https://www.facebook.com/pydc.my)
Hubungi: Mohd Izzuddin Ramli (Sekretariat)
☎ +60134573851 ✉ sidangmuda@gmail.com
Tempat: Red Rock Hotel, GeorgeTown

Terbuka kepada semua anak muda (18-30 tahun) yang tidak lagi mahu ditakut-takutkan oleh ahli politik dan mahu memahami demokrasi, aktivisme dan governan melalui cara interaktif yang menyeronokkan.

Kami tidak peduli anda parti apa, daftar kalau berani! (AMARAN: ini bukan program 'mat belia')

ADUN tekad beri khidmat terbaik kepada rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

DATUK KERAMAT – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo bertekad menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan berusaha mempertingkatkan keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Harapan (PH).

Beliau yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berjanji akan terus mendokong prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang dipegang oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008.

Katanya, adalah penting bagi Kerajaan Negeri untuk menggerakkan perubahan Pulau Pinang menjadi antara negeri terbaik dalam segala segi di Malaysia.

“Kini, Pulau Pinang berada di jalan yang betul dalam mengecapi kemajuan dan kejayaan hasil

usaha gigih Kerajaan Negeri yang berganding bahu bersama-sama rakyat negeri ini.

“Saya percaya rakyat dapat melihat banyak perubahan positif di Pulau Pinang dalam semua aspek termasuk ekonomi, kebajikan, kemudahan awam, perumahan dan lain-lain demi manfaat semua,” ucapinya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat dekat Lengkok Free School di sini baru-baru ini.

Hadir memeriahkan majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng serta beberapa barisan Exco dan ADUN serta pimpinan masyarakat.

Pada kesempatan itu, Jagdeep turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir. Selain ketupat, lemang dan rendang yang sinonim dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri, turut dihidangkan adalah pelbagai jenis makanan popular negeri seperti roti jala, char kue teow, nasi tomato dan ayam masak merah.



JAGDEEP Singh Deo (berbatik jingga) bergambar kenangan dengan ‘tetamu-tetamu cilik’ sejour menyampaikan duit raya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Laluan masuk Kg. Sungai Nibong Besar, TKMI seru dua pihak berbincang

PANTAI JEREJAK – Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon meminta jalan masuk utama ke Kampung Sungai Nibong Besar tidak ditutup dek dua kawasan perumahan di kawasan tersebut.

Justeru, beliau meminta badan pengurusan (MC) bagi kedua-dua flat Taman Mas dan perumahan Pantai Jerejak supaya saling berbincang isu berbangkit tersebut dengan wakil penduduk berkaitan.

“Saya mendapat maklum balas bahawa jalan masuk ke rumah-rumah yang terletak di Kampung Sungai Nibong Besar ini tersepit di antara Flat Taman Mas dan perumahan Pantai Jerejak.

“Saya minta badan pengurusan kedua-dua perumahan ini segerakan rundingan supaya pintu masuk untuk penduduk kampung itu lebih mudah,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak ketika menyertai Majlis Gotong-royong Perdana anjuran komuniti flat Taman Mas di sini baru-baru ini.

ADUN Komtar ajak wanita, ibu tunggal sertai kursus bakeri

KOMTAR – Golongan wanita dan ibu tunggal yang berminat untuk menambah pendapatan sampingan dijemput menyertai kursus membuat kek di Kafe Monroe, Hotel Heritage 1926 dekat Jalan Burma di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng memberitahu, bengkel bakeri pertama pada 13 Ogos 2016 diadakan mulai jam 2 petang hingga 4 petang, manakala sesi kedua, 24 Ogos 2016 mulai jam 8 malam hingga 10 malam.

Ulasnya, kursus itu dianjurkan oleh Pejabat Pusat Khidmat ADUN Komtar dengan kerjasama Briged Wanita Pulau Pinang Kawasan Komtar.

“Saya seru agar golongan ibu tunggal dapat mengambil peluang ini bagi menambah pendapatan kerana subsidi khas disediakan bagi mereka yang berkaitan,” katanya pada sidang media penganjuran *Business Baking Class* di Pusat Khidmat ADUN Komtar, Jalan Talipon di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Say Cake, Leslie Low dan Pengurus Besar Sorganic’s Drink, Chuah Chern Chung dan Pengurus Bakeri Say Cake Sdn. Bhd., Andies Teh (selaku pengelola kelas).

Mengulas lanjut, Andies memberitahu, yuran biasa yang dikenakan terhadap pengendalian kursus sebegini adalah berharga RM3,800.

“Namun, kali ini, atas nama tanggungjawab



TEH Lai Heng (tiga dari kanan) dan Andies Teh (tiga dari kiri) memegang poster promosi *Business Baking Class* pada sidang media di sini baru-baru ini.

sosial korporat (CSR) bersama Briged Wanita Komtar, bayaran yang dikenakan cuma RM1,200, tidak termasuk RM150 untuk peralatan.

“Setiap sesi kelas hanya dihadkan kepada 12 peserta bagi memudahkan tenaga pengajar memberi tumpuan penuh dan tiada peserta yang akan ketinggalan,” jelasnya.

Tambah Andies, kandungan kursus


antaranya ialah teori membuat kek, makanan sihat, pemasaran kek, hiasan kek, kemahiran menggunakan paip untuk hiasan, hiasan coklat, pengetahuan bahan mentah, 30 resipi kek, mencipta resipi sendiri dan peperiksaan.

“Semua yang layak bakal menerima sijil pentauliahkan,” ujar beliau.

Bagi yang berminat, hubungi Say Cake di talian 014 – 316 8078 atau emel kepada,

Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0

Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari



Sila isi butiran berikut:

Nama :

No. My Kid/ Kad Pengenalan:

Alamat:

.....

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga:

No. Telefon : (Rumah) (Bimbit) :

Emel:

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2016** hingga **1 Oktober 2016**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiah:

Pertama: RM200

Kedua : RM150

Ketiga : RM100

5 Hadiah Saguhati